

BARAT-TIMUR

dan

BOM ATOM

Pengiran Hj Mohamed Yusuf Pengiran Hj Abdul Rahim



BARAT-TIMUR
dan

BOM ATOM

Pengiran Hj Mohamed Yusuf Pengiran Hj Abdul Rahim

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2002

Cetakan Pertama 2002
© Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin
Pengiran Haji Abdul Rahim 2002

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Pengiran Haji Mohamed Yusuf Pengiran Haji Abdul Rahim
Barat-Timur dan bom atom / Pengiran Haji Mohamed Yusuf
Abdul Rahim.

Mengandungi indeks

ISBN 983-62-7533-9

1. Pengiran Haji Mohamed Yusuf Pengiran Haji Abdul Rahim--
Personal narratives. 2. World War, 1939-1945--History.
3. World War, 1939-1945--Japan.

940.5308

M
940.5308

Dicetak oleh
Dawama Sdn. Bhd.
Kompleks Dawama
Lot 1037, Jalan AU3/1
54200 Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

M
1123174

10 SEP 2003
Perpustakaan Negara

KANDUNGAN

<i>Pendahuluan</i>	vii
<i>Penghargaan</i>	ix
<i>Dedikasi</i>	xi
I – Dunia Perang	1
II – Perang Asia Timur Raya	10
III – Pergolakan dalam Negara Jepun	20
IV – Pentadbiran Tentera Jepun di Asia	29
V – Bandar Raya Hiroshima	38
VI – Bom Atom di Hiroshima	42
VII – Penutup	83
<i>Indeks</i>	101

PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim

Hanya Allah s.w.t. yang memiliki sifat Sempurna Yang Maha Lengkap dan Maha Besar, Dialah Yang Maha Mengetahui serta Maha Pencipta, Pemelihara dan Penentu atas segala sesuatu.

Lebih lima puluh tahun telah berlalu, catatan ingatan serta pengalaman mungkin tidak semuanya dapat digambarkan dan dibayangkan dengan mudah. Hanya dengan rahmat-Nya, ingatan daripada penglihatan, pendengaran, perbuatan yang dilakukan dan pengalaman yang pernah dirasakan dan dilalui, tetap diingati pahit manisnya. Masa yang sedemikian lama penulis ambil untuk menghadirkan buku ini ke pangkuan pembaca kerana terpaksa mencari dan meneliti maklumat dengan menyelongkar timbunan catatan yang beraneka ragam untuk menyulami buku kecil yang mengenang kisah *Barat-Timur dan Bom Atom* ini. Semoga dengan izin-Nya akan dapat menjadi ulam bacaan di hidangan bacaan pembaca bahasa Melayu untuk menjadi renungan pada alaf baru ini tentang kesan bom atom.

Tidak ramai orang mengenali Adolf Hitler sebagai penggegar dunia jika tidak dengan keberanian dan kesanggupannya menyerang negara-negara Eropah dalam Perang Dunia Kedua pada awal tahun 1939 hingga akhir tahun 1945.

PENDAHULUAN

Hiroshima, sebuah bandar yang terletak di selatan Pulau Honshu, tidak seperti Tokyo yang terkenal sebagai ibu negara Jepun. Hiroshima hanyalah sebuah bandar biasa yang sedang membangun. Tetapi Hiroshima tiba-tiba menjadi bualan dunia, terkenal ke seluruh dunia kerana dihancurkan oleh bom atom pada 6 Ogos 1945 dalam sengketa Perang Dunia Kedua yang meletus di Asia Tenggara dari bulan Disember 1941 hingga akhir tahun 1945.

Buku ini penulis persembahkan ke ribaan pencinta keamanan dunia dan penganut keharmonian dan kebahagiaan hidup, dengan niat dan harapan yang ikhlas semoga akan dapat menyelitkan ingatan, bahawa kita hidup di dunia yang serba canggih ini akan sentiasa menyedari dengan sesungguhnya kita cinta dan kasih sayang akan keamanan dan kesejahteraan hidup dengan rukun damai, dan tidak mengingini hasrat yang dikutuk oleh Allah s.w.t.

Sesungguhnya tidak ada manusia serba sempurna yang tiada cacat cela pada dirinya, begitulah dalam catatan buku *Barat-Timur dan Bom Atom* ini. Catatan dalam buku ini hanyalah ingatan daripada pengalaman seorang yang lemah dan daif dalam penulisan, yang berharap semoga akan mendapat teguran dan nasihat daripada mereka yang bijaksana dan luas pengetahuan dan pengalaman. Mudah-mudahan akan ada buku yang lebih lengkap dan sempurna daripada buku ini.


Semoga alam bacaan Melayu akan cemerlang di dunia.

**Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin
Pengiran Haji Abdul Rahim**

PENGHARGAAN

Dalam mengusahakan buku kecil ini tidak ada kata yang dapat penulis tuliskan, hanyalah ribuan terima kasih dan bersyukur serta berdoa, semoga Allah Yang Maha Mengetahui memberkati mereka yang telah banyak menyumbangkan tenaga serta keikhlasan membantu bagi menerbitkan buku ini. Penulis terhutang budi kepada Profesor Yashiro Egami, atas keizinannya memetik maklumat daripada bukunya yang berjudul *Penuntut Luar Negeri dari Asia Tenggara dan Bom Atom, Hiroshima*. Hajah Isah Ab. Hamid dan P.H. Rahimin.

Semoga Allah merahmati dan memberi ganjaran kepada mereka yang ikhlas dan jujur. Amin.



Brunei bumi bertuah – Tanah warisan baka perista
Kutunai niat demi Allah – Amanah Melayu Islam bertakhta
Tanah warisan baka perista – Asal usul Melayu Raya
Amanah Melayu Islam bertakhta – kekal aman dirgahayu di maya
Asal usul Melayu Raya – Serumpun Sebudaya Kekal Abadi
Kekal aman dirgahayu di maya – Mohon rahmat-Mu Ya Rabbi.

P. Y.



I

DUNIA PERANG

Dunia ini tidak pernah aman.

Bermula dari awal tahun 1914 dan berakhir pada tahun 1918, itulah tarikh yang termaktub dalam catatan sejarah dunia yang disebut Perang Dunia Pertama. Beberapa tahun kemudian, dunia masih tidak aman, sentiasa dalam sengketa. Perasaan permusuhan, dendam di samping berasa tinggi diri terus bermaharajalela. Perasaan setia kawan telah tertutup di balik tirai kepura-puraan, manusia khayal dan lupakan perasaan cintakan keamanan dan kebahagiaan hidup bagi manusia sejagat. Hanya Allah yang sentiasa Mengetahui dan Dialah yang Maha Berkuasa menentukan sesuatu.

Pada awal bulan September 1939, dunia kembali bergolak, keselamatan terancam, keharmonian hidup bangsa di sesebuah negara tergugat dan kehidupan masyarakat kucar-kacir dengan meletusnya Perang Dunia Kedua. Nazi Jerman yang disertai oleh Soviet Union (Rusia) dan Itali mula memerangi dan menakluki negara-negara di Eropah.

Di Timur yang hampir keseluruhannya, sama ada negara besar, beraja dan berdaulat atau yang kecil dan lemah, berada di bawah kekuasaan penjajahan kuasa besar Barat. Tanah besar India dan Burma dijajah oleh British; keseluruhan kepulauan Indonesia serta Borneo Selatan ditakluki oleh Belanda; Semenanjung Tanah Melayu, Brunei Darussalam, Sabah, Sarawak, Singapura serta Hong Kong

diperintah oleh penjajah British; keseluruhan kepulauan Filipina dikuasai oleh Amerika Syarikat; Kemboja, Laos dan Vietnam dikuasai seluruhnya oleh Perancis. Hanya Thailand atau Siam dan Jepun sahaja yang tidak dijajah oleh kuasa besar Barat.

Serangan kilat yang dilancarkan oleh tentera Nazi Jerman dan rakan sekutunya telah dapat menawan dan menakluki satu demi satu negara di Eropah. Serangan yang menggunakan kereta kebal dan meriam serta dibantu oleh angkatan udara dilakukan siang dan malam, menyapu bersih dan terus menembusi kubu pertahanan Eropah serta memusnahkan harta benda, bangunan di samping beribu-ribu jiwa terkorban.

Keadaan yang dahsyat dan sangat berbahaya itu menyebabkan tentera British, Perancis dan Belanda mengukuhkan kedudukan pertahanan mereka. Para pemimpin negara dan panglima perang dari angkatan darat, laut dan udara, mereka sentiasa berwaspada dan berazam untuk mengundurkan dan menghancurkan Nazi Jerman dan konco-konconya yang dipimpin oleh diktator Adolf Hitler yang dikenali dengan "misai potong" di bawah hidungnya.

Great Britain yang merupakan salah satu kuasa besar dunia pada masa itu, walaupun siang dan malam dihujani bom dan ledakan meriam oleh serangan udara daripada Nazi Jerman, Itali dan Rusia, namun tidak pernah menerima pendaratan musuh di kepulauannya kecuali Kepulauan Channel dan Jersey dan pulau-pulau kecil sahaja.

Kegagalan dan kelemahan kubu tentera negara-negara Eropah mempertahankan kemaraan serangan tentera Nazi Jerman yang kuat dan gagah menyebabkan Nazi Jerman dapat menawan beberapa buah negara di Eropah pada masa itu, sungguh menakutkan dunia amnya. Tipu muslihat yang tidak ketara yang dilakukan oleh pemerintah Nazi Jerman membolehkan mereka menghalau orang Yahudi meninggalkan negara Jerman walaupun orang Yahudi itu turun-menurun sudah menetap di Jerman dan mempunyai harta kekayaan di sana. Semasa pengusiran itu, ada juga musang berbulu ayam, serigala berbulu kambing, musang dan serigala ikut sama diusir keluar pergi ke mana juga arah dan tempat yang menerima mereka. Musang dan serigala itu disangka ayam dan kambing biasa yang menyerupai bulu-bulu binatang itu. Kebijakan menggunakan tipu muslihat ini menguntungkan mereka yang mengambil

kesempatan pada saat dan tempat yang bersesuaian.

Teknik "perang kilat" (*blitzkrieg*) yang dirancang oleh Jerman yang memasuki Poland pada awal bulan September 1939, dengan menggunakan tentera darat dan bantuan beribu-ribu kapal terbang perang itu ternyata berjaya.

Serangan terhadap Poland bukan sahaja dilakukan oleh Nazi Jerman malah Rusia juga tidak ketinggalan menyerang Poland dari timur. Poland tidak dapat menentang secara bersungguh-sungguh kerana negara itu begitu lemah di samping tidak mempunyai alat kelengkapan perang. Kebanyakan senjata yang mereka miliki telah lama dan tidak berfungsi. Namun begitu, tentera musuh (penyerang) juga mengalami korban yang bukan sedikit jumlahnya.

British dan Perancis yang telah mengisytiharkan perang, walaupun jauh daripada kemusnahan yang sedang menimpa Poland, tetapi mereka tetap bersiaga terhadap kemaraan musuh. Setakat itu Amerika Syarikat masih terikat dengan Perjanjian Berkecuali yang dimeterai dengan negara-negara Amerika Latin. Tetapi negara-negara lain termasuk Australia dan Kanada telah mengisytiharkan perang walaupun masih senyap terhadap Jerman dan rakan sekongkolnya Rusia dan Itali.

Jerman terus menguatkan kekuatan udara, darat dan terutama angkatan lautnya dengan membanyakkan kapal selam "U" yang banyak memusnahkan kapal perang musuhnya di Lautan Atlantik dan laut yang berdekatan dengannya.

Rusia yang berusaha menandingi cara peperangan serang kilat yang dilakukan oleh Jerman itu, berfikir jika Finland dapat ditakluki, ini adalah satu jalan mudah menembusi negara itu terus ke negara yang bersempadan dengannya. Malangnya taktik Rusia itu tidak mendatangkan hasil yang dijangkakannya. Walau bagaimanapun, Jerman dengan cara kilatnya di laut berjaya menakluki Norway yang menyebabkan raja Norway melarikan diri ke England.

Jerman terus mara, bukan hanya dapat menduduki Norway malah dengan mudah menduduki Denmark, walaupun sebelum itu Perdana Menteri British, Naval Chamberlain menyatakan, "Hitler telah ketinggalan bus". Akhirnya Norway dan Denmark jatuh ke tangan Jerman. Sementara itu, keadaan yang agak merumitkan kedudukan tentera Berikat British dan Perancis di Eropah itu

menandakan permulaan jatuhnya Naval Chamberlain sebagai Perdana Menteri British. Akhirnya beliau meletakkan jawatan dan diganti oleh orang lain yang tersohor pada waktu itu. Pada bulan Mei 1940, Winston Churchill, menjadi Perdana Menteri British. Beliau seorang negarawan British yang ulung dalam sejarah British, bijak dalam soal bertolak ansur, dan menjadikan dia seorang yang tidak akan menerima selain sesuatu perkara yang dilihatnya benar dan lurus, yang dapat dilihat atas kemenangan tentera Berikat di Eropah. Keazaman Winston Churchill adalah asas yang membawa keamanan.

Walaupun Hitler menakluki beberapa buah negara Eropah termasuk Kepulauan British menerima serangan udara siang dan malam sejak bulan Julai 1940 yang mengorbankan beribu-ribu jiwa dan memusnahkan bangunan, Amerika Syarikat masih belum melibatkan diri untuk membantu sahabatnya di Eropah. Amerika Syarikat masih berkecuali. Presiden Franklin D. Roosevelt yang merupakan seorang ahli politik dan negarawan Amerika, tetapi tidak pernah menjadi seorang tentera, tetap bertahan dengan kedudukan berkecuali, walaupun dia mempunyai perasaan moral ingin membela rakyat Amerika Syarikat.

Namun, setelah Norway dan Denmark ditakluki, begitu juga sebahagian Perancis, dan bahagian timur laut Eropah semakin menjadi-jadi dikuasai oleh Nazi Jerman, Amerika Syarikat menyedari akan bahaya yang dihadapi oleh pertahanan Benua Eropah. Amerika Syarikat akhirnya bersedia memberi pertolongan kepada Britain. Dalam pilihan raya presiden, Roosevelt sekali lagi terpilih menduduki Rumah Putih bagi kali ketiga dan tahun itu disebut tahun "Senjata Demokrasi". Beliau diberi kuasa yang luar biasa bagi persediaan alat-alat peperangan. Beliau telah mengutus seorang utusan menemui Winston Churchill dan juga Stalin di Moscow apabila Nazi Jerman telah berbalah dengan Rusia. Amerika menjanjikan bantuan kepada Rusia untuk membantutkan keganasan Nazi Jerman. Seterusnya Roosevelt sendiri bertemu Churchill di Newfoundland dengan menggunakan kapal perang masing-masing yang menghasilkan sebahagian catatan sejarah Piagam Atlantik, yang dirangka sendiri oleh Churchill dan dihalusi bersama oleh mereka. Piagam tersebut kemudiannya menjadi asas pengisytiharan Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu. Amerika Syarikat, walaupun tidak mengisytiharkan perang, telah melibatkan diri dalam peperangan yang besar. Pentas telah dibentuk, hanya tidak diketahui oleh orang ramai.

Jerman di bawah pimpinan Adolf Hitler terus mendabik dada dengan kejayaan demi kejayaan menakluki keseluruhan benua Eropah sama ada diduduki Jerman atau diserahkan kepada kerajaan boneka yang dikawal oleh Nazi Jerman, melainkan negara-negara yang berkecuali seperti Sweden, Switzerland, Sepanyol dan Portugal. Great Britain pula tetap tinggal kebal merdeka dan tidak dapat dikalahkan. Jauh panggang dari api untuk ditakluki, sungguh Hitler bermimpi pada siang hari.

Walaupun Pakatan Tidak-Menceroboh (*Non-Aggression Pact*) antara Rusia dengan Jerman telah diusahakan sebelum Perang Dunia Kedua meletus, sebenarnya Adolf Hitler sejak awal-awal lagi telah membenci faham komunis dan juga keinginan untuk menghancurkan kaum Bolshevik Jews (Yahudi). Hitler berharap, dalam Perang Dunia Kedua itu Britain pun akan mengalami kekalahan dan Britain bersekutu bersamanya melawan Bolshevik. Dengan berbuat demikian, kebenciannya terhadap Yahudi dan komunis akan tercapai dan oleh sebab itu Hitler berniat untuk menyerang Rusia. Pakatan Tidak-Menceroboh antara Jerman dengan Rusia pada tahun 1939 itu, hanyalah tidak lebih daripada satu muslihat sementara waktu untuk menggagalkan demokrasi Barat.

Walaupun Joseph Stalin sudah lama mengetahui bahawa Hitler membenci faham Bolshevik tetapi Stalin tidak menunjukkan tanda kebingungan atau kekhuatiran, padahal sebenarnya Hitler telah menetapkan awal tahun 1941 untuk menyerang Rusia. Rusia menyifatkan berita itu sebagai berita bodoh malah beliau terus melakukan sesuatu untuk menenangkan Hitler. Akhirnya pada bulan Jun 1941, Jerman melanggar Rusia yang mengorbankan ratusan ribu jiwa, dan banyak bandar termasuk Leningrad ditawan. Namun Rusia tidak pernah menyerah kalah walaupun Jerman terus-menerus mengebom dan memusnahkan bandar-bandar besar. Rusia tetap bertahan, dan Tentera Merah Stalin menunggu musim sejuk untuk bersatu bagi melancarkan serang balas terhadap tentera Nazi Jerman. Hitler memerintahkan tenteranya jangan berundur walau

seinci pun dari bumi yang telah diduduki oleh Nazi Jerman. Rusia pula pada musim sejuk telah bersedia dengan segala kelengkapan dan kereta kebal yang cukup untuk tenteranya, dan menjadi semakin gagah. Nazi Jerman mula menyedari ramai panglima perangnya yang berpengalaman telah mengundurkan diri sama ada berhenti, bersara atau mati menyebabkan Hitler sendiri mengambil kesempatan menjadikan dirinya sebagai Pegawai Pemerintah Tentera, dengan harapan untuk mengukuhkan semangat Nazi Jerman yang semakin meleset. Hitler berhadap pada awal tahun 1942 itu untuk membuat serangan yang akan membawa kekalahan Stalingrad, tetapi sebenarnya itulah saat akhir penaklukan Eropah Timur. Beruang putih semakin lemah. Jerman tersungkur, Hitler dan konco-konconya hancur dan menyerah kalah.

Falsafah Hitler dalam *Meinkemffi* yang termasyhur itu telah mengakibatkan kematian berjuta-juta rakyat Bersekutu dan juga askar-askar yang ikut berjuang. Sebenarnya Hitler tersohor disebabkan kesengsaraan dan kematian jutaan orang lain dalam sejarah dunia.

Hitler yang gagah perkasa suatu ketika seolah-olah maharaja Eropah, akhirnya berkesudahan dengan membunuh diri bersama-sama isterinya Eva Braun, beberapa jam sebelum akhir bulan April 1945. Begitu juga Goebbles. Hanya Georing serta beberapa warisan Nazi ditangkap bagi menghadapi pengadilan.

Ketika Amerika Syarikat, British dan rakan mereka sedang menghadapi beberapa kesulitan menentang pencerobohan Nazi Jerman dan konco-konconya di Eropah, itulah jua saatnya Jepun menggunakan kesempatan menyerang Pearl Harbour di Pulau Oahu, Hawaii serta mendarat di Kota Bharu, Kelantan, serta pulau-pulau dan bandar di Asia Tenggara. Serangan permulaan itu berlaku pada 8 Disember 1941. Dengan menggunakan kekuatan angkatan laut, darat dan tentera udara, bala tentera Jepun yang siap sedia terlatih dan berani mati dengan semangat *yamato damashi* kenipponannya, maka terjadilah "Perang Pasifik" atau disebut juga "Perang Asia Timur Raya – Dai Toa Sensou".

Di Barat, Nazi Jerman dengan 'Her Hitler' yang dibantu oleh tentera Itali dan Rusia walau kemudiannya Rusia berpaling tadah dan bekerjasama dengan angkatan bersenjata tentera Bersekutu

iaitu Amerika Syarikat, Great Britain, Perancis dan Belanda berperang dengan Nazi Jerman; sementara di Timur pula Jepun mula menyerang negara-negara Tanah Jajahan Timur kepunyaan British, Amerika, Perancis dan Belanda. Perang Dunia Kedua bergolok di Barat dan Timur, berlanjutan sejak tahun 1939 hingga tahun 1945.

Selepas Perang Dunia Kedua, di Barat, Jerman menyerah kalah di tangan Angkatan Tentera British dan sekutunya, sedang di Timur, Jepun yang gagah dengan semangat *yamato damashi* untuk menjadikan Asia Timur Raya kembali merdeka dengan azam yang berslogankan "Kemakmuran Asia Timur Raya" atau "Greater East Asia Coprosperity Sphere" menyerah kalah pada akhir tahun 1945 – juga di tangan Angkatan Bersenjata Tentera Bersekutu yang diketuai oleh Amerika Syarikat. Walaupun Jepun telah berjaya di Tanah Besar Asia dengan menguasai Manchuria serta beberapa kawasan China bagi menghalang kemaraan fahaman komunis di Tanah Besar Asia itu tetapi cita-cita Jepun itu akhirnya hancur lebur.

Dengan kekalahan Jerman di Barat dan Jepun di Timur, dunia kembali dikuasai oleh kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Great Britain, China, Rusia dan juga Sepanyol. Dari situlah muncul gagasan bagi mengawal keselamatan dan kesejahteraan bangsa-bangsa di dunia amnya dan kekukuhan kuasa Barat khasnya: "United Nations Organizations" (UNO) atau "Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu" (PBB).

PBB sebenarnya berasal daripada ciptaan Presiden Amerika Syarikat, Franklin D. Roosevelt berserta Perdana Menteri British, Winston Churchill hasil pertemuan mereka di Newfoundland pada awal tahun 1942 yang disebut sebagai Piagam Atlantik itu. Dengan dipelopori oleh wakil-wakil dari China, Rusia, United Kingdom dan Amerika Syarikat, mereka telah membuat dasar cadangan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Dumbarton Oaks dari bulan Ogos 1944 hingga bulan Oktober 1944. Kemudian Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu disusun rapi oleh wakil-wakil dari 50 buah negara di Persidangan Pertubuhan Antarabangsa di San Francisco dari 25 April 1945 hingga 26 Jun 1945. Piagam itu telah ditandatangani oleh wakil 50 buah negara pada 26 Jun 1945. Poland menandatangani terkemudian dari tarikh tersebut namun

Poland diakui sebagai ahli yang menjadikan 51 buah negara penaja PBB.

PBB secara rasmi terbentuk pada 24 Oktober 1945 apabila piagam tersebut telah disahkan oleh China, Perancis, Rusia, United Kingdom (England, Scotland dan Wales) serta Amerika Syarikat. Dan telah dipersetujui bahawasanya pada tiap-tiap 24 Oktober, dijadikan "Hari Perayaan" atau "Hari Bangsa-Bangsa Bersatu".

Sehingga tarikh 14 September 1999, jumlah anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah 188 buah negara, bertambah sebanyak 137 buah negara lagi daripada asalnya 51 buah negara pada 26 Jun 1945.

Dunia aman seketika. PBB dikuasai oleh lima buah kuasa veto.

India, sebuah negara di Benua Asia yang terbesar dan telah diperintah oleh British selama beratus-ratus tahun sesudah tamat Perang Dunia Kedua diwakili oleh Laksamana Lord Louis Mountbatten sebagai wizurai British menggantikan Jeneral Wabell. Sebaik-baik sahaja British melantik atau memilih Clerment Attlee dari Parti Buruh menjadi Perdana Menteri British menggantikan Winston Churchill dari Parti Konservatif, India telah dimerdekakan di bawah pimpinan ulung Mahatma Ghandi dan Pandit Jawaharlal Nehru pada 15 Ogos 1947.

Indonesia, yang juga beratus-ratus tahun diperintah oleh Belanda, apabila Jepun menyerah kalah kepada Angkatan Tentera Bersekutu pada penggal ketiga tahun 1945, dengan dipelopori oleh pejuang tulen Indonesia Bung Karno (Sukarno) yang dibantu oleh Dr. Mohamed Hatta, telah mengisytiharkan kemerdekaan bagi Indonesia ke seluruh dunia. Tetapi perjuangan mempertahankan kemerdekaan Indonesia terus dihalang oleh Belanda dengan menduduki dan menyerang balik bumi Indonesia dengan dibantu oleh askar-askar British. Kedua-dua pemimpin kemerdekaan itu ditahan dan disiksa tetapi rakyat seluruh Indonesia yang bersenjatakan bambu runcing itu terus berjuang bermati-matian dengan ribuan wiranya menjadi korban. Akhirnya bambu runcing dapat menangkis peluru dan bom, dan Indonesia merdeka sebagai sebuah republik pada 15 Ogos 1945 dengan Sukarno dilantik sebagai Presiden. Dengan itu juga status kesultanan di negeri-negeri dalam kepulauan Indonesia itu telah terkubur bersama-sama dengan

hapusnya pemerintahan kolonial Belanda.

India mendapatkan kebebasan dan kemerdekaannya tanpa pertumpahan darah, kemudian diikuti oleh Semenanjung Tanah Melayu yang memperoleh kemerdekaan melalui perundingan pada 31 Ogos 1957. India akhirnya berpecah dua dengan menubuhkan Republik India dan Republik Pakistan. Kemudian Pakistan pula berpecah menzahirkan Bangladesh tetapi Semenanjung Tanah Melayu atau Malaya dapat memeteraikan persatuan Malaysia dengan membawa Singapura, Sabah dan Sarawak mencapai kemerdekaan pada 16 September 1962.

Di Benua Afrika, walaupun terpencil daripada peristiwa Perang Dunia Kedua, negeri-negeri yang di bawah penjajahan berbagai-bagai kuasa Barat itu juga satu demi satu muncul menjadi negara-negara yang merdeka di bawah pimpinan pejuang bangsanya sendiri.

Dengan tumbuhnya negara-negara baru yang merdeka di Asia dan Afrika itulah menjadikan PBB terus berkembang hingga ke angka 188 buah negara dan pada masa ini jumlahnya telah bertambah.

Perubahan dan perkembangan dunia terus membawa arus dan corak "Dunia Baru", walaupun di Amerika Syarikat dan di Eropah, perselisihan terus berlaku. Bosnia Herzegovina, Kosovo, Albania dan Serbia terjerumus dalam perang saudara dan agama, sedang di Timur Tengah, perselisihan faham tidak menemui penyelesaian. Soviet Union menemui perpecahan, yang akhirnya menjadikan Rusia sebuah Komanwel.

Walau bagaimanapun, PBB hanyalah sebuah badan perhimpunan tahunan yang menyeronokkan untuk berbual kisah-kisah dunia.

Bilakah agaknya dunia akan aman kembali?

II

PERANG ASIA TIMUR RAYA

Mulai akhir tahun 1941, hampir seluruh kawasan Asia Tenggara terlepas daripada belenggu penjajahan dunia Barat seperti Great Britain, Belanda, Amerika Syarikat dan Perancis yang meninggalkan Singapura, Hong Kong, Persekutuan Tanah Melayu, Brunei, Sarawak, Sabah, Filipina dan seluruh kepulauan Indonesia dan Indochina dengan meninggalkan korban dan kerugian harta benda serta kehilangan kuasa.

Suasana perubahan dan pergolakan dunia menimbulkan aneka ragam manusia, ada sebahagian penduduk dan rakyat di kawasan Asia Tenggara bersedih dan berdukacita kerana kehilangan tuan-tuan besar mereka dan ada pula yang gembira serta mengalu-alukan kedatangan "Bang Buntak" apabila tentera Jepun yang penuh dengan semangat *Nippon Seisin* membebaskan mereka dan menghalau kuasa Barat daripada bertapak di Asia. Jepun merebut pemerintahan dan menggantikan Barat dengan melaungkan harapan kemakmuran dan kebebasan Asia Timur Raya bagi seluruh kawasan Asia. Asia bebas dan merdeka. Ini merupakan permulaan ulangan sejarah baru kebangkitan Bangsa Timur dalam abad yang menuju kemakmuran dan kebebasan bangsa-bangsa di dunia.

Selama lebih kurang tiga setengah tahun sejak akhir tahun 1941 hingga pertengahan tahun 1945, sejarah dunia mencatatkan bahawa Jepun berjaya menakluki kawasan Asia Tenggara dengan meng-

halau dan mengalahkan kuasa-kuasa besar Barat dari kawasan tersebut dan memerintah secara tentera.

Nippon Seisin berteraskan kepercayaan bahawa Maharaja Jepun yang kononnya berasal daripada Amaterasu Omekamisama yang disifatkan sebagai tuhan mereka. Semangat dan kepercayaan ini menguasai rukun hidup bangsa Jepun dan semangat ini mengukuhkan keberanian dan kepercayaan pada jati diri mereka yang menumpukan taat setia mereka kepada maharaja, bangsa dan negara mereka. Dengan penuh kekuatan dan semangat serta persediaan yang lengkap sedia, maka peperangan yang berslogankan "Kemakmuran Asia Timur Raya" dengan bangga dan bersejarah dilancarkan oleh Jepun. Kejayaan besar yang diperolehi angkatan tentera Jepun itu ialah hampir semua negara di Asia ditaklukinya termasuk Pulau Singapura yang dibanggakan oleh pihak British sebagai kubu pertahanan dan benteng kebal British di Asia Tenggara yang disebut-sebut sebagai "Gibraltar dari Timur Jauh". Terbukti bahawa kata-kata tersebut hanyalah bayangan kekuatan yang sengaja dibesar-besarkan, dengan demikian British menyangka bahawa kononnya tentera Jepun tidak akan sanggup menyerang Singapura. Mereka menyangka dan memikirkan pada masa itu Jepun sedang menumpukan tenaganya menentang China dan Rusia, dan dijangkakan pada masa itu musim tengkujuh dengan angin serta hujan lebat, oleh itu Jepun tidak menyerang mereka. Mereka juga memikirkan jika Jepun menyerang Asia atau Asia Tenggara, Amerika Syarikat tentu akan datang dan menentang musuhnya dan Jepun tentu tidak terdaya mempertahankan dirinya.

Angkatan tentera Jepun benar-benar menunjukkan keupayaannya dalam Perang Asia Timur Raya itu walaupun mulai awal pertengahan tahun 1945, sahabat Pakatan Tiga Pihak (*Tripartite Pact*) iaitu Jerman di Eropah semakin lemah. Jepun terus berazam dan bersedia untuk peperangan bagi menduduki dan menakluki kepulauan Pasifik yang dikuasai British dan Belanda, malah Amerika Syarikat yang mempunyai kubu kekuatan di Filipina.

Perang Asia Timur Raya (Perang Pasifik) terus menyala. Pada 8 Disember 1941, tercatatlah tarikh pembukaan sejarah kebangkitan Timur yang diukir oleh Dai Nippon dengan semangat jati diri bangsa Timur yang ibarat api dalam sekam itu dan terus

membuktikan kezaman Timur.

Dunia menyedari kekuatan angkatan laut British dan Amerika Syarikat adalah lebih kuat pada keseluruhannya berbanding kekuatan angkatan laut Jepun, tetapi terbukti angkatan laut dan udara Jepun lebih gagah dan berkebolehan. Hal ini disebabkan British dan Amerika Syarikat tidak menyediakan kapal perang dan hanya sedikit kapal pembinasa, walaupun Amerika Syarikat menyediakan pangkalan tentera laut di Pasifik iaitu Filipina. Pada ketika itu juga, mereka menghadapi Nazi Jerman di Eropah.

Keadaan di Timur semakin meruncing yang hanya dipertahankan oleh pasukan British, Australia dan India, serta pasukan sukarelawan dari Persekutuan Tanah Melayu. Walaupun senjata yang disediakan kepada pasukan-pasukan itu merupakan senjata yang baik tetapi dengan kekurangan kecekapan, latihan serta pengalaman, menyebabkan mereka lemah untuk menunaikan kewajipan.

Menyedari hal sedemikian, Kerajaan British di bawah pentadbiran Perdana Menteri Winston Churchill memikirkan perlunya Timur Jauh dilengkapi dan diperkukuhkan bagi membantu angkatan laut Amerika Syarikat di Lautan Pasifik dengan menghantar angkatan laut yang kuat ke pangkalan angkatan laut Timur Jauh di Singapura. Oleh itu kapal perang terancang British iaitu *H.M.S. Prince of Wales* dan *H.M.S. Repulse* diiringi oleh empat buah kapal perang pembinasa telah diperintahkan belayar menuju Singapura pada 2 Disember 1941. Kapal *H.M.S. Prince of Wales* yang lengkap dengan alat-alat terbaharu itu dipercayai tidak dapat ditenggelamkan dan kebal.

Kapal *H.M.S. Prince of Wales* sebelum itu pernah bertembung dengan kapal selam Jerman iaitu *Bismark* yang terbilang, yang akhirnya kapal itu ditenggelamkan di Lautan Atlantik. *H.M.S. Prince of Wales* juga pernah berkhidmat di Malta dan pernah membawa Perdana Menteri Winston Churchill menemui Presiden Roosevelt menyeberangi Lautan Atlantik.

Angkatan laut tersebut selamat tiba di Singapura di bawah perintah Laksamana Muda Sir Tom Philips, rakan sekongkol Leftenan Jeneral Douglas MacArthur dari Amerika Syarikat yang berpangkalan di Manila. Ketibaan *H.M.S. Prince of Wales* dan

H.M.S. Repulse di Singapura tepat pada masanya. Kebetulan pada masa itu tentera Jepun telah mendarat di pantai Kota Bharu, Kelantan dan tanpa menerima tentangan yang hebat, Jepun terus menyerang dan megebom di utara Persekutuan Tanah Melayu.

H.M.S. Prince of Wales disertai oleh *H.M.S. Repulse* kemudiannya mengambil keputusan untuk tidak menunggu kedatangan musuh di Singapura. Mereka mahu mengambil tindakan menangkis pendaratan musuh di utara Persekutuan Tanah Melayu dari Teluk Siam.

Dengan tidak mengambil kira sama ada gerakan itu diketahui atau tidak oleh perisik Jepun, *H.M.S. Prince of Wales* yang diikuti oleh *H.M.S. Repulse* serta empat kapal pembinasa bertolak dari Singapura menuju ke utara Persekutuan Tanah Melayu di Laut China Selatan. Ketika itu tentera Jepun terus mara dan mendarat di Kuantan, Pahang.

Niat *H.M.S. Prince of Wales* dan kumpulannya menuju ke utara Semenanjung Tanah Melayu untuk menghalang kemaraan tentera Jepun itu tidak tercapai. Mereka mendapat serangan hebat daripada angkatan laut dan angkatan udara Jepun, bom dan torpedo terus mengena ke sasaran. Dengan menggunakan amalan "kamikaze" disertai semangat "Tukkutai" yang merelakan diri terkorban asalkan misi berjaya cemerlang, tentera Jepun akhirnya berjaya mengalahkan *H.M.S. Prince of Wales* dan *H.M.S. Repulse* berserta kapal lain. Kapal angkatan laut Timur Jauh British itu berukuh di dasar Laut China Selatan berhampiran pantai Kuantan, Pahang pada 11 Disember 1941.

Tenggelamnya dua buah kapal perang yang termasyhur di laut Kuantan itu berlaku tidak sampai tiga hari selepas tentera Jepun mendarat di Kota Bharu, Kelantan. Dengan tenggelamnya dua buah kapal perang British tersebut mengurangkan kepercayaan pihak Berikat untuk menghalang kemaraan tentera Jepun. Tambahan pula Pearl Harbour, Hong Kong serta tempat-tempat kekuatan tentera Berikat yang lain seperti tempat-tempat pertahanan Amerika Syarikat di kepulauan Filipina dan juga Belanda di Indonesia telah banyak yang musnah akibat serangan berani mati yang dilakukan oleh tentera laut, darat dan udara Jepun yang berazam untuk melaksanakan slogan bagi "Kemakmuran Asia Timur Raya".

Di Tanah Melayu, selepas pendaratan tentera Jepun di Kota Bharu, dan meneruskan pendaratannya di Kuantan, tentera Jepun terus mara ke tempat lain. Pada 19 Disember 1941, Pulau Pinang telah diduduki oleh ketumbukan 25 tentera Jepun, dan pada 11 Januari 1942, Kuala Lumpur pula dimasuki oleh Jepun. Akhirnya pada 31 Januari 1942, Johor Bahru, Johor juga telah dapat ditawan oleh Jepun.

Pada awal tahun 1942 iaitu hanya lebih kurang lima minggu, seluruh Semenanjung Tanah Melayu telah berada di bawah pendudukan tentera Jepun. Hanya Pulau Singapura masih dikuasai oleh tentera British. Askar Australia, India dan pasukan sukarela dikerah menumpukan tenaga mempertahankan dan mengawal Singapura, sementara tentera British mula berundur.

Singapura mula diserang dari dekat iaitu dari Johor. Leftenan Jeneral A.E. Percival berazam mempertahankan Singapura habis-habisan atas arahan daripada Pemerintah Tertinggi Jeneral Qavell, walaupun sebahagian jeneral dalam pasukan pertahanan di Singapura itu berpendapat supaya menyerah lebih awal bagi mengelak kerosakan harta benda dan korban nyawa, bukan sahaja di pihak askar malah orang ramai.

Akhirnya pada 15 Februari 1942, tentera British menyerah kalah dan terus menandatangani perjanjian menyerah diri yang diwakili oleh Leftenan Jeneral A.E. Percival bagi pihak British dan Leftenan Jeneral Tomoyuki Yamashita menerimanya bagi pihak kerajaan Jepun, yang dilakukan di Singapura.

Dengan kejatuhan Pulau Singapura yang disebut Jepun sebagai "Syonan-To", tibalah keruntuhan apa juga yang disebut-sebut kecemerlangan dan kekuatan British di kawasan Asia. Perdana Menteri Winston Churchill menjelaskan kekalahan tersebut sebagai kemalangan yang paling buruk bagi tentera British dalam sejarahnya.

Banyak kemungkinan dan alasan ditimbulkan tentang kejatuhan Singapura. Kebanyakan mengatakan kurang persediaan pihak British. Yang paling tidak dapat dilupai ialah angkatan tentera laut yang ditaja bangun untuk mempertahankan serangan yang disangka dari laut itu telah tidak boleh menentang pasukan yang membuat serangan dari daratan. British juga memperkecilkan kebolehan lawan. British tidak menyangka bahawa tentera Jepun merupakan

tentera yang gagah, cekap dan mahir berjuang. Sangkaan itulah yang merugikan British dan terpaksa membayar harganya yang sangat mahal.

Sebenarnya, pada awal bulan Februari 1942 bagi meyakinkan orang ramai, Jeneral A.E. Percival yang mengelola pertahanan Singapura menyatakan, kehadiran tentera British adalah untuk mempertahankan kubu-kubu itu sehingga pertolongan tiba. Tetapi dia tidak menyebut bahawa pasukannya sudah mengeluh dengan kelengkapan senjata yang serba berkurangan dan sesungguhnya tidak ada peruntukan bagi memberhentikan kemaraan Jepun di Asia.

Seterusnya, menjelang 8 Februari 1942, Jepun telah berjaya menawan seluruh Semenanjung Tanah Melayu, dan memulai serangan terhadap Singapura, dan akhirnya pada 11 Februari 1942, Jepun telah menyeru agar Singapura segera menyerah kalah kepada angkatan tentera Jepun. Pada awal pagi 15 Februari 1942, Jeneral A.E. Percival telah diberitahu akan kekurangan minyak petrol dan kekurangan peluru serta penyaluran air semakin rumit. Keadaan huru-hara merebak di Singapura dan tidak dapat lagi dikawal bagi menyusun pertahanan yang diperlukan; tidak ada pilihan lain kecuali menyerah kalah.

Berita yang menggembirakan Jeneral Tomoyuki Yamashita iaitu "bahawa British akan menyerah" sungguh merupakan berita yang ditunggu-tunggu kerana sebenarnya pasukan tentera Jepun juga hampir kehabisan peluru. Serbuan hebat yang diterima oleh pihak British daripada tentera Jepun itu mengelirukan musuhnya agar mempercayai yang tentera Jepun masih mempunyai banyak senjata dan peluru untuk terus berperang.

Jepun berjaya mencatatkan dalam sejarah dunia, bahawa Jepun memerintah kepulauan dan negara Asia selama tiga setengah tahun iaitu dari 8 Disember 1941 hingga 15 Ogos 1945.

Tamatnya Perang Asia

Angkatan tentera Berikat yang terus mara di bawah ketua pemerintahnya di barat daya Lautan Pasifik iaitu Jeneral MacArthur, yang mengekalkan kata-katanya "I shall return" dan kemaraan tentera laut dan udara Berikat telah jelas menunjukkan bahawa

tentera Berikat telah dapat menguasai Lautan Pasifik dengan menyerang dan menawan beberapa buah pulau, termasuk pendaratan hebat yang berlaku di Okinawa yang berkesudahan dapat ditawan oleh angkatan tentera Berikat.

Dengan penawanan semula beberapa buah pulau yang berdekatan dengan Kepulauan Jepun itu menyebabkan serangan udara semakin bertalu-talu ditumpukan ke beberapa buah bandar dan pelabuhan Jepun terutamanya bandar Tokyo.

Sementara di seluruh kepulauan Asia Tenggara juga telah banyak diserang dan ditawan semula oleh tentera Berikat. Kepulauan Indonesia bergolak dengan serangan yang dibuat oleh angkatan tentera Belanda dengan sekongkolnya angkatan laut dan udara British yang dipelopori oleh angkatan bersenjata dari Australia.

Pemerintah angkatan bersenjata Jepun, yang telah berjaya menawan dan memerintah kawasan Asia Tenggara itu ternyata akhirnya menerima kesulitan dan mula menunjukkan tanda-tanda kegelisahan yang agak sukar diketepikan. Kegelisahan itu bukan hanya timbul daripada kekuatan ketenteraannya yang semakin kurang kerana setiap buah negara yang ditawan di Asia itu terpaksa diberi kawalan demi untuk keselamatan, dan menenteramkan suasana di negara-negara yang ditawan bahkan alat peperangan dan bahan makanan semakin berkurangan.

Di samping itu, keruntuhan moral juga tidak dapat dinafikan kerana menghadapi tentangan dan gangguan hebat daripada tanduk kumpulan rakyat tempatan yang tidak senang dengan kesan dan cara pemerintahan tentera Jepun yang bersifat ganas dan garang, tidak bersopan santun dan sentiasa bercanggah dengan adat dan perilaku tempatan yang diperintahnya. Di Tanah Melayu misalnya, timbul pergerakan bawah tanah dari kumpulan tempatan yang dipelopori oleh gerakan sulit British serta disulitkan lagi dengan gerakan Bintang Tiga Komunis China yang memang menjadi musuh ketat Jepun. Di Borneo Utara juga muncul gerakan yang dikenali sebagai "Gerakan Oboe" yang mula bergerak pada akhir tahun 1944, tetapi kerana kekurangan pasukan penggempur serta kekurangan pengangkutan terutama perkapalan, Gerakan Oboe itu hanya dijalankan pada awal bulan Mei 1945 apabila Briged ke-26 tentera Australia mendarat di Tarakan, Sabah yang menerima

tentangan hebat daripada tentera Jepun di sana. Manakala askar Australia dari Divisyen ke-9 meneruskan pendaratan di Pulau Labuan dan juga Brunei Darussalam pada awal pagi 10 Jun 1945 dengan pendaratan di Muara, iaitu sebuah daerah kecil di Teluk Brunei yang tidak jauh dari Pulau Labuan tetapi Muara merupakan kemungkinan boleh menjadi tapak bagi pertahanan laut.

Pendaratan dan penawan semula Pulau Labuan serta bandar-bandar di sekitarnya dan pendaratan di pantai Muara, Brunei itu telah mendapat tentangan hebat daripada angkatan tentera Jepun. Menurut catatan yang terdapat di Japanese Peace Memorial di Pulau Labuan, sejumlah 3908 orang askar Berikat telah terkorban. Namun akhirnya, tentera Berikat berjaya menawan seluruh Pulau Labuan, Tarakan, dan beberapa buah bandar lain di Borneo Utara dan Selatan, malah selepas mendarat di pantai Muara pada 10 Jun 1945, tentera Berikat telah menduduki Bandar Brunei dan Tutong pada 16 Jun 1945. Brigedier Windeyer yang memerintah Briged ke-20 telah mengusir askar Jepun yang berundur ke pedalaman Limbang, Temburong dan Kuala Belait.

Kawasan minyak di Seria serta Lutong di Sarawak juga telah dapat diduduki, sementara kawasan minyak di Miri telah dikawal rapi oleh Briged ke-20 dari Australia. Dengan adanya kedua-dua kawasan minyak di Seria dan Miri, serta Lutong, walaupun banyak yang musnah tetapi kemudahan pengagihan minyak sangat berfaedah dari segi pengangkutan.

Kejayaan demi kejayaan dicapai oleh tentera Berikat di bawah pemerintahan Jeneral MacArthur, Ketua Pemerintah seluruh tentera Berikat di Lautan Pasifik, yang berjaya membebaskan semula kawasan yang ditawan oleh tentera Jepun di Asia Tenggara. Namun demikian, kapal penyapu periuk api Amerika Syarikat yang bernama *U.S.S. Salute* yang banyak berbakti memusnahkan periuk api di lautan dan teluk medan peperangan telah terlanggar sebuah periuk api itu menyebabkan *U.S.S. Salute* mengalami kerosakan dan mengorbankan empat orang kelasinya, manakala lebih kurang 37 orang kelasi atau pegawai yang lain cedera sebelum kapal tersebut tenggelam di dasar laut Teluk Brunei lebih kurang enam batu dari bandar Muara arah utaranya. Kejadian perlanggaran itu berlaku pada 8 Jun 1944, iaitu dua hari sebelum angkatan laut Australia

mendarat di pantai Muara dan Pulau Labuan.

Sesungguhnya "*Little Boy*" dan "*Fat Boy*" (bom atom) memainkan peranan penting dalam Perang Asia Timur Raya. Bom atom tersebut yang digugurkan di Jepun iaitu di Hiroshima pada 6 Ogos 1945 dan Nagasaki pada 9 Ogos 1945 merupakan penutup tirai Perang Asia Timur Raya atau *Dai Toa Sensou* yang berslogankan "Kemakmuran Asia Timur Raya".

Pada 15 Ogos 1945, keputusan muktamad mesyuarat Majlis Tertinggi Perang yang dihadiri oleh Maharaja Jepun telah mengambil keputusan untuk menyerah kalah. Keputusan tersebut diterima oleh seluruh rakyat Jepun dengan amat sedih. Maharaja Hirahito telah bertitah memberitahu keputusan tersebut melalui corong radio yang dipancarkan ke seluruh pelosok negara Jepun. Titah baginda:

"... musuh telah mula menggunakan senjata moden, bom yang paling tidak berperikemanusiaan; tenaga yang memusnahkan, sesungguhnya tidak dapat dikira membunuh manusia yang tidak bersalah.

... patutkah kita terus berjuang. Itu bukan hanya satu penyudah kekalahan dan keruntuhan bangsa Jepun tetapi itu adalah membawa kepada kejatuhan seluruh hidup masyarakat manusia.

... Beta tidak dapat melihat rakyat beta yang tidak berdosa itu menderita sengsara berpanjangan."

Mendengar titah baginda yang benar-benar menyedihkan itu, Perdana Menteri Kantaro Suzuki hanya mengatakan, "Kita telah menerima panduan arahan diraja yang berasa dia (baginda) terpaksa menerima syarat-syarat daripada tentera Berikat."

Istiadat penyerahan rasmi telah dilakukan di atas kapal perang *Missouri* di Teluk Tokyo. Pihak Jepun diketuai oleh Menteri Luar Momoru Shigemitsu dan Jeneral Umezu, Ketua Panglima Tentera Jepun. Pihak Berikat pula diketuai oleh Jeneral Douglas MacArthur, Panglima Angkatan Perang Amerika Syarikat. Istiadat bersejarah itu dimeteraikan pada 1 September 1945. Penyerahan terakhir tentera Jepun dibuat di Singapura pada 12 September 1945 yang ditandatangani oleh Fil Marsyal Count Terauchi bagi pihak kerajaan Jepun dan Lord Louis Mountbatten bagi pihak Berikat.

Riwayat Perang Asia Timur Raya mencatatkan zaman kegemilangan dan kegagahan Jepun selama tiga setengah tahun. Walaupun Jepun mengalami kekalahan dan ratusan ribu wiranya yang gagah dan sentiasa diresapi dengan *Nippon Seisin* terkorban, tetapi semangat kebangsaan yang sentiasa cintakan bangsa, sanggup berkorban untuk mengawal keunggulan tanah air yang ditinggalkan oleh Jepun, terus mempengaruhi dan menyegarkan jiwa dan semangat patriotik banyak bangsa di seluruh kepulauan Asia Tenggara Asia Timur Raya; yang sebelumnya dalam penjajahan kuasa-kuasa Barat. Semangat tersebut terus memancar dan menyala dan seterusnya seluruh bangsa Asia kini berdiri atas kaki sendiri, merdeka dan berdaulat dengan dasar pemerintahan yang bersesuaian dengan kehendak rakyat masing-masing.

III

PERGOLAKAN DALAM NEGARA JEPUN

Dalam budaya Jepun, rakyat mesti taat dan patuh kepada raja yang dipuja sejak zaman berzaman, sehinggalah zaman Maharaja Hirohito, yang disebut Tenno Heika.

Lantikan Perdana Menteri harus mendapat restu Tenno Heika. Kebiasaannya, Perdana Menteri ialah orang yang berpengalaman dan berumur tua terutama golongan panglima (jeneral) daripada tentera.

Pada tahun 1937, seorang jeneral iaitu Jeneral Saijuro Hayachi telah dilantik menyandang jawatan Perdana Menteri, tetapi hanya selepas beberapa bulan, dia telah ditumbang dan diganti oleh Putera Fumimaro Konoye.

Putera Fumimaro Konoye merupakan kerabat Fujiwara yang memerintah selama tujuh abad. Putera Fumimaro Konoye yang pada masa itu menyandang jawatan sebagai Yang Dipertua Peratuan Kaum Bangsawan (*Presiden House of Peers*), pada awalnya menolak jawatan sebagai Perdana Menteri tersebut. Dia lebih suka jawatan yang sedang disandangnya itu, tetapi apabila menimbangkan krisis pada masa itu serta semangat taat kepada rajanya, akhirnya dia menerima tawaran walaupun biasanya jawatan Perdana Menteri itu bagi orang yang berumur tua.

Berumur 46 tahun, Putera Fumimaro Konoye merupakan pilihan utama untuk memimpin negara kerana rakyat Jepun ketika itu

kurang percaya kepada ahli politik dan kluatir pemerintahan tentera berlanjutan. Pihak tentera juga percaya kepadanya malahan *Zaibatsu* (ahli perniagaan besar) mengharapkan dia dapat memperkukuhkan Jepun. Tambahan pula dia berwajah menarik dan disukai rakyat.

Putera Fumimaro Konoye seorang waris kerabat diraja yang mempunyai semangat sosialis, bersifat lemah lembut dan pemalu. Dia suka mendengar fikiran daripada orang politik dengan simpati, sehingga mereka berfikir dan menyangka dia bersetuju dengan mereka. Sebenarnya segala yang didengarnya itu difikirkan dengan teliti dan apabila dia membuat keputusan, kebanyakannya keputusan itu adalah muktamad. Putera Fumimaro Konoye mengharap dirinya menjadi *Japan Lord Balfour* iaitu seorang yang menjadi pujaannya.

Putera Fumimaro Konoye ialah anak sulung Putera Atsumaro Konoye. Beberapa hari selepas beliau dilahirkan, ibunya meninggal dunia, kemudian bapanya mengahwini adik isterinya (emak saudara Putera Fumimaro Konoye) yang dipercayainya itulah ibunya yang sebenar. Tetapi apabila dia dewasa, dia baru mengetahui bahawa orang yang dianggap sebagai ibunya itu bukan ibunya yang sebenar. Putera Fumimaro Konoye meninggalkan kata-kata, "Saya mulai berfikir bahawa hidup ini adalah tenunan dusta." Ayahnya meninggal dunia ketika beliau berusia 13 tahun.

Putera Fumimaro Konoye tidak senang dengan orang politik yang mengutamakan kebendaan. Walau bagaimanapun, kepada orang asing, beliau memberi bayangan seolah-olah beliau adalah seorang demokratik. Beliau menerima atau melayani semua orang dengan hormat, walaupun orang itu peminta sedekah, kerana mereka adalah tetamunya, tetapi batinnya beliau kekal berjiwa bangsawan. Anak-anaknya belajar di Amerika Syarikat tetapi bukan bererti dia menyenangi Amerika Syarikat.

Pada 23 Ogos 1939, sebulan sebelum Jerman memulakan Perang Dunia Kedua di Eropah, Putera Fumimaro Konoye telah tidak lagi menjadi Perdana Menteri, atas alasan yang ada kaitan dengan suasana dalam negeri dan keadaan yang membimbangkan dari benua China. Tempatnya diambil alih oleh Dr. Baron Kiichiro Hiranuma.

Sedang dunia Barat bergolak menghadapi serangan dan

penaklukan daripada tentera Jerman dan sekongkolnya, di dunia Timur bergelut dengan suasana tindas-menindas dan desakan hidup yang terpaksa menempuh perubahan.

Jepun, sebuah negara tua yang merdeka di dunia Timur yang biasanya disebut-sebut Negara Matahari Terbit, walaupun buntak tetapi berjiwa semangat samurai. Sejak awal tahun tiga puluhan lagi, Amerika Syarikat telah mencurigai Jepun yang bermula dengan kisah Peristiwa Manchuria. Amerika Syarikat menghendaki agar Jepun berundur dari Manchuria, tetapi Jepun sebagai negara merdeka dan berdaulat tidak menghiraukan kehendak Amerika Syarikat itu. Walaupun dunia dan Pertubuhan Liga Bangsa-Bangsa (*League of Nations*) – ditubuhkan pada tahun 1919 selepas Perang Dunia Pertama yang beribu pejabat di Geneva, dan dibubarkan pada tahun 1946), tidak mempersetujui telatah Jepun itu tetapi Jepun tetap berdegil dan akhirnya Jepun menarik diri daripada badan dunia itu. Manchuria kemudian menjelma menjadi Manchukuo yang merdeka secara rasmi tetapi sebenarnya sebagai negara boneka Jepun.

Hubungan antara Jepun dengan Amerika Syarikat bertambah tegang terutamanya pada masa itu kira-kira tahun 1934, barang-barang buatan Jepun yang banyak dan murah harganya membanjiri pasaran dunia. Di samping itu, perubahan yang berterusan dalam perjanjian kelengkapan senjata angkatan laut, menyebabkan Jepun tidak mempersetujui perjanjian Mesyuarat Washington pada tahun 1934 itu. Akibat daripada kekecewaan itu, Jepun akhirnya menandatangani perjanjian Anti-Comintern bersama-sama dengan Jerman dan Itali pada tahun 1936. (Comintern ialah Parti Komunis Antarabangsa Rusia yang dibubarkan pada tahun 1943). Bukan hanya setakat itu, kedudukan Jepun dikukuhkan lagi dengan persahabatan bersama Jerman dan Itali apabila pada tahun 1940, Jepun mendatangi Pakatan Tiga Pihak (diwakili oleh Saburo Kurusu), dan Jepun secara terbuka menyertai Kuasa-kuasa Paksi (*Axis*-campuran dua atau tiga negara secara politik tetapi tidak mesti bersekut). Dengan demikian, Jepun berasa lebih selesa dan berpeluang bergerak dengan lebih bebas di kawasan yang diperintahnya.

Jepun yang memang sudah ketandusan bahan-bahan keperluan perang seperti minyak dan getah selepas bertahun-tahun berjuang

di Benua China, perlu mempertahankan keteguhan semangat dan kedudukan tenteranya. Kesempatan itu muncul apabila Jerman dan sekongkolnya menduduki dan menakluki Eropah dalam Perang Dunia Kedua di Eropah dan Mediterranean.

Apabila Jerman yang dipimpin oleh Adolf Hitler pada pertengahan tahun 1941 menyerang Rusia yang telah berpaling tadah menyekutukan dirinya dengan tentera Berikat, tindakan Jerman itu menyenangkan Jepun. Dengan demikian, Jepun tidak lagi mengkhawatiri Rusia di Timur Jauh, malah Jepun memikirkan kebebasannya bergerak menuju selatan dan berupaya mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan. Sebulan setelah Jerman menyerang Rusia, Jepun pula bergerak memasuki kawasan Indochina (Vietnam, Laos dan Kemboja). Dengan kemasukan Jepun di kawasan Indochina itu juga menyebabkan tertutupnya jalan penyaluran bahan dari kawasan yang biasanya menyediakan bahan-bahan keperluan China.

Walaupun usaha secara diplomatik untuk mencari keamanan terus berjalan antara Amerika Syarikat dengan Jepun sejak awal tahun 1941, iaitu antara Duta Besar Jepun di Amerika Syarikat, Kichisaburu Nomura dengan Cardell Hull, Setiausaha Negara Amerika Syarikat tetapi malangnya usaha tersebut menemui kegagalan dan tidak menandatangani hasil.

Dengan beberapa peristiwa yang dilakukan oleh pihak Jepun seperti yang disebut terdahulu, Amerika Syarikat berasa tidak berfaedah lagi meneruskan perundingan dengan Jepun lebih-lebih lagi Jepun telah terang-terangan menyertai Kuasa-kuasa Paksi serta memasuki Indochina. Amerika Syarikat kemudiannya mengambil tindakan keras membekukan semua kepunyaan Jepun yang ada di Amerika Syarikat dan menyekat kemasukan minyak, langkah yang cukup berkesan menyusahkan Jepun.

Dengan langkah yang diambil oleh Amerika Syarikat itu, kerajaan Jepun telah gelisah dan khuatir, kerana sebahagian pembesarnya terus mendesak pihak pemerintah untuk mendapatkan penyelesaian secara diplomatik dengan tidak merugikan kepentingan Jepun. Pihak tentera pula mendesak sama ada kerajaan atau pemerintah yang ada pada masa itu dibubarkan dan diganti oleh kerajaan baru yang berkemampuan menyediakan peralatan perang bagi menyelamatkan Jepun daripada kesengsaraan hidup dan

terancam keselamatannya atau bersedia menerima kesengsaraan, kesulitan hidup, kejatuhan moral, kekalahan serta kemiskinan.

Perang atau damai, adalah persoalan yang menjadi agenda perundingan yang rumit dibincangkan oleh para pembesar pemerintah Jepun. Perang bererti Jepun akan bertarung kekuatan dengan Amerika Syarikat, Britain, Belanda dan Perancis. Walaupun Great Britain dengan bantuan Amerika Syarikat terus berjuang untuk menghapuskan Nazi Jerman di Eropah tetapi Jepun tetap sebagai setia kawan Jerman terutama sekali selepas Rusia berpaling tadah menyebelahi pihak Berikat. Jepun menghadapi dilema sama ada perang atau damai kerana walaupun pihak tenteranya ingin dan terus berusaha memperkukuh kekuatan dan alat peperangan, tetapi masih ada sebahagian pembesar negara Jepun yang cintakan keamanan berharap saluran diplomatik diusahakan dengan sedaya-upaya yang boleh, walaupun krisis China dan Manchuria tetap masih berterusan.

Menteri Luar Jepun ketika suasana tegang itu berterusan ialah Shigenari Togo yang menggantikan bekas Menteri Luar Laksamana Telgiro Toyoda semasa pemerintahan Perdana Menteri Putera Konoye. Sebagai Perdana Menteri, beliau berdukacita kerana kecewa menghasilkan perundingan damai melalui saluran diplomatik dengan Amerika Syarikat serta tidak berjaya dengan usahanya mengundurkan tentera Jepun dari China atas desakan angkatan darat dan laut yang enggan mempersetujui cadangan pengunduran tentera dari Tanah Besar China itu. Keengganan pengunduran itu bukan sahaja kerana mengingati pengorbanan yang diberi oleh beribu-ribu pahlawan *Tokkutai* yang berani mati serta perbelanjaan besar dari segi wang dan tenaga manusia malah untuk menghalang pergerakan komunis yang sedang merebak di Benua China itu.

Bagi meneruskan usaha perdamaian, Menteri Luar Jepun pada masa itu, Laksamana Telgiro Toyoda cuba mengadakan perundingan secara diplomatik melalui kerjasama Duta Besar Amerika Syarikat di Tokyo, iaitu Gross dengan dibantu oleh Konsular Eugene H. Dooman. Sementara itu, Kichisaburu Nomura, Duta Besar Jepun di Washington sentiasa menerima arahan dari Tokyo dan menyampaikan berita yang didapatinya di Washington daripada C. Hull serta lain-lainnya, pun mengusahakan agar cita-

cita Jepun untuk berunding bagi perdamaian bukan hanya untuk Amerika Syarikat dan Jepun, malah untuk dunia amnya dan dipersetujui oleh Amerika Syarikat. Malangnya usaha ini sentiasa tidak beroleh jawapan, sehingga permintaan Perdana Menteri Putera Konoye sendiri untuk menemui Presiden Roosevelt pun gagal.

Suasana dalam negeri Jepun semakin rumit dan bermasalah kerana antara orang politik dengan jeneral tentera tidak sefahaman, perundingan dan mesyuarat berlanjutan dengan tidak menghasilkan satu keputusan yang bersesuaian antara pihak yang inginkan keamanan dengan yang masih mahu meneruskan perang. Hal ini ditambah lagi dengan masalah ekonomi, kewangan, kedudukan dan persediaan alat peperangan, apatah lagi perdagangan dan perusahaan mereka sentiasa mendapat kesulitan dari dunia luar di samping sebahagian golongan tentera menimbulkan soal perubahan dan pembaharuan (reformasi).

Dengan keadaan yang demikian, walaupun Kiichiro Hiranuma baru dilantik menjadi Perdana Menteri menggantikan Putera Fumimaro Konoye pada akhir bulan Ogos 1939, tetapi akhirnya pada pertengahan bulan Julai 1940, Putera Fumimaro Konoye sekali lagi telah diarahkan oleh Maharaja Hirohito menubuhkan kabinet baru dengan secepat mungkin. Perintah Maharaja Hirohito itu diterima dengan baik. Beliau dibantu oleh dua orang pegawai yang bijak dan cemerlang iaitu Yosuke Matsuoka sebagai Menteri Luar, yang terkenal dengan nama julukan "Mr. 50 000 words" dan "Talking machine", dan seorang lagi ialah Jeneral Hideki Tojo sebagai Menteri Perang yang terkenal.

Keadaan dunia terus bergolak, dan Jepun terus berusaha menenteramkan suasana politik dalamannya yang menjadikan pentadbiran tidak dapat berjalan lancar. Perdana Menteri Jepun sering silih berganti, sementara perundingan antara Jepun dengan Amerika Syarikat untuk mencari perdamaian belum menemui penghujungnya. Walaupun Perdana Menteri Koyone berusaha mengadakan perundingan diplomatik, dengan beberapa pertukaran menteri-menteri kabinet, Menteri Luar Matsuoka diganti oleh T. Toyoda dan diganti pula oleh S. Togo, malahan utusan perseorangan diatur dan beberapa syarat perundingan diperbaiki

dan diubahsuai, tetapi hasilnya masih buntu atau ditangguh.

Pemerintahan awam kerajaan Jepun yang diterajui oleh Putera Fumimaro Konoye, kemudiannya meletak jawatan atas desakan kuat tentera. Beliau diganti oleh Menteri Perang, Jeneral Hideki Tojo yang diperkenankan oleh Maharaja Hirohito yang menerajui kerajaan Jepun yang baru. Dengan terbentuknya kabinet baru yang diketuai oleh seorang jeneral yang penuh semangat Jepun yang diselimuti oleh warisan samurai itu telah jelas membayangkan "bau peluru" sedang menyelubungi udara di Timur pada masa itu.



Jeneral Hideki Tojo, Perdana Menteri Jepun.

Jepun yang dipimpin oleh Perdana Menteri, Jeneral Hideki Tojo yang dibantu oleh Laksamana Nagono dan Jeneral Sugiyama mempunyai keazaman yang kuat dan percaya akan kebolehan dan kekukuhan angkatan bersenjata yang terdiri daripada angkatan laut, udara dan darat. Dengan penuh semangat kejeputan *yamato damashi Nippon Sesisu* itu, tanpa gentar dan khuatir, walaupun tanpa lebih dahulu mengisytiharkan perang, Jepun dengan senyap-senyap tetapi sungguh-sungguh, pada awal pagi 8 Disember 1941 (7 Disember di Amerika Syarikat) telah mengebom Pearl Harbour di Hawaii, menyerang dan mendarat di Kota Bharu, Kelantan, menyerang Hong Kong dan Filipina serta beberapa tempat di Asia Tenggara.

Tentera Amerika Syarikat di Pearl Harbour, Hawaii yang sedang bersuka ria dan beristirahat di berek mereka, di kelab, di restoran serta di kediaman masing-masing, begitu terperanjat menerima serangan mengejut itu. Mereka tidak mempercayai kejadian itu berlaku, sehinggalah apabila terbukti bahawa beberapa buah kapal perang yang sedang berlabuh dan tertambat di pelabuhan Pearl Harbour itu telah musnah dan tenggelam. Kejadian yang mendadak itu seolah-olah seperti mimpi pada siang hari, apabila kapal terbang Jepun dengan sewenang-wenangnya mengebom dan memusnahkan lapangan terbang dan menghancurkan beberapa banyak kapal terbang Amerika Syarikat yang ditempatkan di tempat simpanan kapal terbang di Hawaii.

Mulai dari awal tahun 1942, negara-negara Indonesia, Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara (iaitu Brunei, Sarawak dan Sabah), Hong Kong dan Filipina hingga ke Burma telah menjadi tanah jajahan Jepun. Walau bagaimanapun, kemenangan itu hanya sekejap kerana akhirnya Jepun terpaksa mengaku kalah, bukan sahaja kerana tenteranya semakin kurang dan lemah dan bahan peperangan semakin berkurangan, bahkan menghadapi keruntuhan moral dan menghadapi tentangan hebat daripada gerakan-gerakan rakyat tempatan yang tidak senang dengan kesan dan cara pemerintahan tentera Jepun yang bersifat ganas terhadap rakyat di negara-negara yang diperintahnya. Lebih daripada itu, faktor utama kekalahan Jepun adalah akibat kehebatan kekuatan tentera laut dan udara serta bom yang luar biasa

digugurkan oleh Amerika Syarikat di kedua-dua buah bandar besar Jepun, iaitu Hiroshima dan Nagasaki, iaitu bom atom. Hiroshima dilanda bom atom pada pagi 6 Ogos 1945 dan Nagasaki pada 9 Ogos 1945. Kedua-dua bandar raya itu hancur menjadi padang jarak padang tekukur.

Sebenarnya sejak awal tahun 1945, tentera Amerika Syarikat telah mulai menyerang beberapa buah pulau di Lautan Pasifik sehingga dapat menawan dan mendarat di Pulau Guam dan Okinawa. Mulai dari saat itulah, bandar raya Tokyo merupakan sasaran serangan tentera udara Amerika Syarikat tidak kira siang atau malam. Suasana yang sedemikian ini membayangkan keadaan Perang Asia Timur Raya kian hari kian mendesak. Angkatan perang Amerika Syarikat dan sekutunya bersatu tenaga dan kekuatan kelengkapan perang ditumpukan ke Asia kerana di Barat, angkatan tentera Jerman semakin lemah dan akhirnya menyerah kalah.

Watikah penyerahan bagi semua angkatan bersenjata Jerman di Belanda, barat laut Jerman dan keseluruhan pulaunya, dan juga Denmark telah dibuat dan ditandatangani pada 4 Mei 1945 di Luneburg Heath dan diikuti pula pada 7 Mei 1945 di Reims, dan 8 Mei di Berlin. Tarikh kemenangan bagi tentera kerajaan Berikat diingati dengan jolokan "VE Day".

IV

PENTADBIRAN TENTERA JEPUN DI ASIA

Dalam tempoh yang cepat pemerintahan tentera Jepun di Asia Tenggara telah menyusun pentadbirannya dengan caranya yang tersendiri. Malaya atau biasanya disebut Semenanjung Tanah Melayu yang mengandungi negeri-negeri iaitu Pulau Pinang, Seberang Prai dan Melaka, yang dikenali dengan nama Negeri-Negeri Selat; Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang dikenali dengan nama Negeri-Negeri Melayu Bersekutu; Johor, Kelantan, Perlis, Kedah dan Terengganu dikenali dengan nama Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, semasa pemerintahan tentera Jepun itu kesemua negeri di kawasan Semenanjung Tanah Melayu berada di bawah satu pentadbiran kecuali Singapura. Singapura diberi nama baru menjadi "Syonan-To". Begitulah seterusnya di Indonesia dan Filipina, masing-masing dengan bahagian pentadbiran dan pemerintahan kawasan tersebut.

Di Borneo, bahagian utara yang terletak Negara Brunei Darussalam, Sabah dan Sarawak telah disebut dengan nama baru keseluruhannya iaitu "Kita Borneo". "Kita Borneo" berada di bawah satu pentadbiran yang beribu pejabat di bandar Kuching, diketuai oleh seorang gabenor. Gabenor yang memegang tampuk seluruh pentadbiran tentera sejak "Kita Borneo" dicipta ialah seorang panglima tentera yang dikenal dengan sebutan Gun Shirekan Kakka, Jeneral Yamawaki.

Brunei Darussalam yang terdiri daripada empat daerah, iaitu daerah Brunei dan Muara, daerah Tutong, daerah Belait dan daerah Temburong semasa di bawah naungan kerajaan British telah dibesarkan kawasannya apabila Jepun memerintahnya iaitu meletakkan semula ke asalnya dengan menyatukan seluruh daerah Miri dan Baram, Limbang, Lawas dan Terusan serta Pulau Labuan dimasukkan dan digabungkan ke dalam "Negara Brunei Darussalam". Keseluruhan bahagian tersebut disebut "Brunei Ken" dan beribu pejabat di Bandar Brunei (Brunei Shi) dengan diketuai oleh seorang ketua iaitu Kimura San.

Terdapat kehadiran ramai orang Jepun di merata bandar dan desa di kawasan luas Asia Tenggara dan juga dunia lain. Mereka bercampur gaul dengan masyarakat setempat dan mempelajari budaya mereka. Sesetengahnya turut berkecimpung dalam perniagaan, menjadi tukang gambar, pencuci pakaian, nelayan, dan sebagainya. Kehadiran mereka itu sama ada disedari atau tidak oleh masyarakat setempat Asia dan dunia amnya, hanyalah ingin mengetahui cara hidup dan adat resam serta untuk mendalami pengetahuan mereka tentang keseluruhan matlamat hidup manusia dan suasana alam sekelilingnya demi kepentingan diri dan faedah bangsa Jepun itu sendiri dari segala aspek hidup mahu pun dari segi ketenteraan dan keselamatan atau selok-belok corak hidup pentadbiran.

Di Brunei Darussalam misalnya, sungguhpun Negara Brunei Darussalam hanyalah sebuah negara kecil yang tidak terkenal dan tidak diketahui oleh penduduk dan masyarakat Jepun, terdapat lebih kurang sembilan orang bangsa Jepun antaranya Encik Suzuki dan isterinya yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan di Kuala Belait, daerah Belait. Suami isteri ini tidak mempunyai anak tetapi mempunyai seorang anak angkat daripada keturunan China yang mereka asuh. Encik Suzuki dan isterinya ini bergaul dan bernesra dengan sesiapa sahaja yang mereka kenal. Mereka juga rajin bekerja menjual barang-barang yang menarik seperti patung-patung dan reka bentuk yang berupa mainan serta juga mengambil gambar.

Apabila tentera Jepun mendarat dan menguasai Brunei Darussalam, Encik Suzuki sebagai seorang Jepun yang telah lama tinggal di Brunei dan banyak mengetahui keadaan di Brunei, telah

muncul sebagai seorang pembesar Jepun yang berkuasa di daerah Belait seolah-olah sebagai ganti pegawai British yang menjawat jawatan Penolong Residen Belait dalam pentadbiran awam di Belait.

Selain Encik Suzuki dan isterinya ini, di daerah Belait terdapat juga empat orang perempuan Jepun yang bekerja sebagai tukang cuci pakaian, dan ada antaranya berkahwin dan mempunyai anak. Ada pula seorang perempuan Jepun yang lain berkahwin dengan seorang berbangsa India.

Di daerah Brunei dan Muara terdapat seorang lelaki Jepun yang berkahwin dengan perempuan tempatan dan mempunyai beberapa orang anak. Beliau ialah Encik Miyamoto dan seorang lagi ialah seorang lelaki yang biasa disebut Abdullah Jepun yang tinggal di Kampung Sengkurong, daerah Brunei.

Apabila akhirnya pemerintahan tentera Jepun kalah dalam Perang Asia Timur Raya itu, Encik Suzuki dan isterinya telah membunuh diri dengan menggantung diri dan membakar rumah kediamannya sekali.

Ketika pemerintahan Jepun, ibu pejabat pemerintahan Brunei Ken, di bandar Brunei itu ditempatkan di bekas bangunan Sekretariat lama iaitu bangunan kayu yang berwarna hitam dan beratapkan kayu belian, terletak tidak jauh dari *lapau* (dewan) lama yang juga diperbuat daripada kayu dan beratapkan kayu belian dan bertanggakan simen. Di bangunan Sekretariat warna hitam inilah terkumpul jabatan-jabatan dan ketua-ketua jabatan tentera Jepun serta Ketua Pemerintah Brunei Ken (wilayah).

Sebaik sahaja suasana pentadbiran pemerintahan tentera Jepun itu diatur, banyaklah peraturan yang dibuat oleh pemerintah tentera Jepun bagi mengurus pentadbiran sehari-hari dan mengawal keamanan. Langkah pertama yang diusahakan oleh pemerintah tentera Jepun ialah membuka sekolah untuk mengajar bahasa Jepun. Sekolah-sekolah tersebut dibuka seperti biasa, tetapi murid-murid diajar bahasa Jepun dan menyanyi lagu Jepun terutama sekali lagu kebangsaan Jepun iaitu "Kimigayo". Setiap pagi semasa menaikkan bendera Hinomaru, lagu Kimigayo dinyanyikan dan apabila selesai, semua orang menghadap ke arah matahari terbit dan membongkok serta menundukkan kepala dengan menyebut "Kyo jo yo hai, saikirei."

Mempelajari bahasa Jepun itu bukan hanya pada kanak-kanak di sekolah malah setiap pegawai kerajaan tempatan di Brunei Ken dimestikan belajar bahasa Jepun. Untuk memberi perangsang pegawai-pegawai kerajaan itu belajar bahasa Jepun dan mahir bertutur bahasa itu, penganjur telah mengadakan peringkat-peringkat peperiksaan bagi menetapkan kelulusan tiap-tiap peringkat itu. Tiap-tiap seorang pegawai yang lulus di satu peringkat akan dibayar dengan satu jumlah wang yang ditentukan mengikut peringkat kelulusannya, sebagai elaun bahasa Jepun.

Bagi memajukan dan meninggikan lagi pembelajaran bahasa Jepun yang mesti dipelajari oleh semua rakyat ini, pemerintah tentera Jepun telah menetapkan agar Jabatan Pelajaran di Brunei Ken menubuhkan sebuah institut bahasa Jepun bagi guru-guru dan pegawai-pegawai kerajaan di seluruh pelosok Brunei Ken. Sebuah sekolah yang digelar "Brunei Kyoin Yosei Jo" (BKYYJ) telah ditubuhkan di Brunei Shi. Penuntutnya ialah guru dan pegawai yang dipilih dari setiap kawasan dari Miri, Baram, Belait, Tutong, Limbang, Lawas, Labuan, Terusan dan Temburong serta Bandar Brunei dan Muara. Sekolah tersebut dibuka pada awal tahun 1943 atau Showa 18. Seramai lebih kurang 40 orang telah dipilih untuk memasuki BKYYJ. Selepas tiga bulan belajar, satu peperiksaan telah diatur untuk memilih seramai lima orang untuk dihantar melanjutkan pelajaran ke Kuching, Sarawak, di sebuah institut pengajian bahasa Jepun yang telah ditubuhkan bagi pegawai kerajaan dari seluruh "Kita Borneo" yang disebut sebagai "Kita Borneo Kanri Yosei Jo" (KBKYYJ). Pegawai-pegawai yang dipilih untuk memasuki KBKYYJ ini mestilah menduduki peperiksaan di daerah atau wilayah masing-masing dalam lingkungan Kita Borneo, iaitu dari Brunei, Sarawak dan Sabah. Hasil daripada cara pilihan melalui peperiksaan dalam bahasa Jepun inilah terpilihnya seramai 25 orang mewakili daerah masing-masing iaitu lima orang bagi tiap-tiap wilayah termasuklah dari Brunei Ken.

Pegawai dari Brunei Ken yang terpilih itu ialah Awang Hashim bin Tahir, guru; Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim, guru; Awang Zainal Abidin bin Puteh, polis; Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Ismail dan penulis sendiri, guru. Kelima-lima orang pegawai yang terpilih dari Brunei Ken itu dihantar ke Kuching bersama-sama

dengan dua orang pegawai tinggi yang akan dihantar ke Jepun sebagai pemerhati. Pegawai tinggi tersebut ialah Encik Harun bin Md. Amin, Pengelola Jabatan Pelajaran, Brunei dan Encik Hamidoon bin A. Damit, Pegawai Pertanian Kanan, Brunei. Kumpulan pegawai pemerhati yang dipilih dari Brunei serta dari Sabah dan Sarawak serta 25 orang pegawai penuntut dari ketiga-tiga wilayah Kita Borneo itu ditempatkan di sebuah bangunan lama di Kuching yang dahulunya dikenal sebagai Saint Joseph School di Kuching.

Pegawai pemerhati dan pegawai penuntut itu dikawal rapi oleh guru-guru yang ditugaskan mengajar dan menunjukkan cara dan adat kehidupan dan kebudayaan Jepun. Mereka diajar bahasa Jepun, bersenam secara Radio Taizo serta berlari dan menyanyi lagu-lagu Jepun. Seperti yang pernah dilakukan semasa di Kyojin Yasei Jo di Brunei Ken, begitulah juga di Kita Borneo Kanri Yaseo Jo di Kuching ini setiap hari menyanyikan "Kimigayo" dan melakukan *Kyujo Yohai - Kiretsu* (berdiri sambil menundukkan kepala ke arah istana di Tokyo).

Lagu kebangsaan Jepun yang dinyanyikan ialah:

*Kimi ga yo wa,
Chiyo no yachi yo ni,
Sazare ishi no iwao to narite,
Koke no musu made.*

Setelah belajar dengan tekun dan berhati-hati dengan penuh disiplin yang dipimpin oleh guru-guru yang terdiri daripada Taijo Mori Sensei, Takeda Sensei, Fujita Sensei (Sarjan tentera) dan beberapa orang lagi termasuk Nakajima Sensei sebagai pengetua sekolah tersebut, kami yang seramai 25 orang itu menduduki peperiksaan dalam bahasa Jepun dari pelbagai jurusan latihan untuk memilih calon yang berjaya untuk dihantar belajar ke Tokyo, Jepun. Daripada peperiksaan tersebut, hanya dua orang sahaja yang akan dihantar melanjutkan pelajaran ke Jepun dengan biaya pemerintah Jepun pada masa itu. Dua orang pegawai penuntut yang berjaya itu dihantar untuk mewakili "Kita Borneo" bersama-sama kumpulan pegawai penuntut dari keseluruhan Asia Timur Raya - antaranya

dari Taiwan (Formosa), Korea, India, Burma, Thailand (Siam), Semenanjung Tanah Melayu (Malaya), Singapura, Kepulauan Indonesia, Filipina dan Kita Borneo (iaitu Brunei, Sabah dan Sarawak).

Buat pertama kalinya "Kita Borneo" menyertai program penuntut di beberapa institut di Jepun, walaupun sebelumnya iaitu pada tahun 1943, beratus-ratus penuntut dari seluruh Asia Timur Raya ini telah pun dihantar ke Jepun untuk memasuki berbagai-bagai jurusan pendidikan dan tidak ketinggalan juga beratus-ratus penuntut dari Taiwan dan Korea yang sudah lama di bawah pemerintahan Jepun.

Dua orang pegawai penuntut yang mewakili Kita Borneo ialah Mohamad Kasim bin Kamidin dari daerah Tawau, Sabah, dan penulis dari Brunei Darussalam. Kami dihantar ke Tokyo dengan menaiki kapal terbang ke Syonan-To (Singapura). Dari Syonan-To kami bersama-sama penuntut dari Tanah Melayu seramai empat orang iaitu Ibrahim Mahmud (Johor), Hasan Ahmad (Melaka), Abdul Razak Hamid (Selangor) dan Eussofe Abdul Kadir (Pulau Pinang) serta berpuluh orang dari Thailand dan juga Indonesia, bertolak dari Syonan-To dengan kapal laut dan singgah sehari di laut pelabuhan Manila mengambil penuntut dari Filipina. Dari Manila kami meneruskan pelayaran menuju ke Jepun.

Kapal yang memuatkan beratus-ratus penuntut dari negara-negara Asia ini diiringi oleh beberapa buah kapal lain. Di kiri dan kanan ialah dua buah kapal pembinasa, di belakangnya diikuti oleh sebuah kapal yang membawa kapal terbang pengawal dan dua buah kapal lagi belayar di hadapan. Pelayaran kapal-kapal itu seolah-olah sebuah konvoi yang mengawal kapal yang membawa penuntut dari Asia Timur Raya itu.

Kami penuntut dari Kita Borneo yang sama-sama belayar dalam kapal itu ditemani oleh seorang askar yang berpangkat Sarjan iaitu Fujita Sensei merangkap pengawal dan penjaga kebajikan kami, sehingga kami diserahkan kepada pihak yang menerima kami di Tokyo iaitu Pejabat (Kementerian) Asia Timur Raya atau Dai Toa Sho.

Setelah belayar beberapa hari melalui Laut China Selatan dan Taiwan, akhirnya kami selamat mendarat di Moji di Kepulauan

Kyushu – Selatan Jepun. Kami berehat beberapa hari di Moji selepas seminggu lebih berada dalam kapal yang diombang-ambing oleh gelombang Laut China Selatan dan Laut China Timur dan kadangkala dikejutkan oleh siren kapal memberi alamat bersedia yang mengisytiharkan kemungkinan serangan kapal selam musuh akan tiba tetapi tidak pernah mendekati konvoi kapal tersebut.

Dari Moji Kepulauan Kyushu, kami bertolak menuju ke Tokyo, Honshu; menyeberang ke pulau itu melalui terowong di bawah laut dengan menaiki kereta api yang mengambil masa lebih kurang tiga hari baru tiba di stesen Tokyo iaitu pada awal bulan Mac Showa 19 atau tahun 1944. Sesampai sahaja kami di Tokyo pada waktu pagi, kami dibawa terus ke hadapan kawasan istana tempat Tenno Heika bersemayam dan kami melakukan tanda hormat dengan membongkokkan badan dan kepala tunduk dari kawasan luas di hadapan istana Maharaja Jepun itu. Selesai penghormatan itu baharulah kami dihantar ke *ryo* (asrama) masing-masing yang telah diaturkan oleh yang berkuasa, Jabatan Asia Timur Raya.

Untuk penuntut-penuntut dari Tanah Melayu, Sumatera dan Kita Borneo diaturkan tinggal di Meguro-ku, Naka Meguro, Sibuya, iaitu berdekatan dengan tempat mereka belajar di "Kokusai Gakuyukai" atau International Student Institute (ISI). Tempat tinggal pelajar itu disebut "Masbo-ryo" iaitu kependekan daripada Malai, Sumatera dan Borneo (Ma-su-bo) di bawah kawalan seorang profesor yang bernama Sowa Sensei dan seorang *ryobo* sebagai pembantu Sowa Sensei. Mereka disebut sebagai Ryokan Sensei dan Ryobo San.

Kehidupan dan suasana di Tokyo ketika itu amatlah susah bukan sahaja bandar raya ini merupakan ibu negara Jepun yang sangat sibuk dengan pentadbiran seharian malah disebabkan Jepun dalam keadaan perang di Asia dan Tenggara Asia, yang sentiasa waspada menghadapi soal-soal peperangan.

Barang-barang makanan dikawal dan dicatu bagi setiap penduduk. Pada waktu malam, cahaya lampu tidak boleh terpancar keluar bilik atau rumah, persediaan tempat berlindung dari serangan udara terpaksa dibuat iaitu *bokugo*. Sejak sebelum akhir tahun 1944 dan awal tahun 1945, bandar raya ini telah diserang dari udara oleh tentera udara Amerika yang mana pada masa itu tentera

Berikat telah mula menyerang beberapa tempat penting di kepulauan Asia Tenggara, dengan menggunakan kapal terbang jenis B-29 dan P-38 menggugurkan bom biasa yang memusnahkan dan membakar bangunan-bangunan di bandar raya itu. Serangan udara itu dibalas oleh tembakan meriam dari bawah dan ditentang oleh kapal terbang pertahanan Jepun yang dipandu oleh "Kamikaze" yang akan melanggar ekor kapal terbang musuh itu, yang disebut "Tokkurai". Namun ada yang belum pun sempat melanggar sudah kena peluru dari B-29 dan P-38 itu. Kadangkala ada juga yang berjaya.

Suasana peperangan itu jelas menyulitkan kehidupan penduduk di Tokyo, bukan hanya kepada rakyat Jepun sendiri malah dirasai juga oleh orang luar terutama penuntut-penuntut yang baru didatangkan dari Asia Tenggara yang disebut-sebut "Nampo Tokubetsu Ryugakusei", yang mana penuntut-penuntut ini didatangkan dari negara-negara Asia Timur Raya yang dibayangkan akan mencapai kebahagiaan dan kemerdekaan bagi seluruh Asia Timur Raya. Penuntut-penuntut ini yang rata-rata masih muda remaja tetapi mempunyai azam dan semangat orang Timur yang sentiasa tenang dan terus belajar dengan tekun dan cekal walaupun kehidupan mereka terpaksa menempuh keadaan yang di luar dugaan mereka.

Bunyi siren tanda serangan udara yang setiap hari siang dan malam kedengaran, menjadi pendengaran biasa sebagai isyarat untuk sedia bersembunyi ke dalam *bokugo*. Kadang-kadang siren itu kedengaran ketika mereka berada di bilik darjah mempelajari Nippongo atau kedengaran pada ketika mereka di bilik makan menikmati *misossiru* dan *nigiri misi* ditambah dengan *O-cha* tawar. Malah ada masanya, bunyi siren disemboyankan pada tengah malam semasa mereka sedang nyenyak tidur, dan mereka terpaksa bangun dan bergegas keluar rumah dan masuk ke *bokugo* walaupun hawa sejuk, dan dalam gelap-gelita mereka meraba-raba masuk ke *bokugo* dengan menggigil.

Keadaan penuntut tersebut berterusan begitu sehingga mereka beredar ke daerah-daerah luar dari Tokyo bagi melanjutkan pelajaran yang mereka sukai, misalnya undang-undang, ketenteraan, pertanian dan pendidikan.

Mohamad Kasim bin Kamidin dari Kita Borneo memasuki Sekolah Tentera, Abdul Razak Hamid dari Tanah Melayu memasuki Universiti Hiroshima, di Kota Hiroshima, begitu juga Hassan Rahaya dari Indonesia, Arifin Bey dan penulis ke universiti yang sama. Di Hiroshima, kami tinggal bersama-sama Syed Omar dan Nik Yusof, kedua-duanya dari Tanah Melayu serta beberapa orang penuntut lain di asrama yang terletak di 11-11-8 Chome, Otemachie, di tepi Sungai Motoyasu, dekat dengan Jambatan Yorozuyo yang menyeberangi Sungai Motoyasu.

V

BANDAR RAYA HIROSHIMA

Sejarah Hiroshima telah lama wujud iaitu sejak abad keenam hingga abad ketujuh. Ketika itu kawasan yang pada masa ini disebut sebagai "Hiroshima", dikenali sebagai daerah Aki dan daerah Bingo.

Pada tahun 1589, kerabat diraja *Daimyo* Terumoto Mori menyatukan daerah Aki dan daerah Bingo itu menjadi satu dan keseluruhan daerah itu dinamakan Hiroshima. Pada masa itulah juga dibangunkan Kota Hiroshima sebagai kediaman rasmi *Daimyo* itu.

Semasa pemerintahan Edo, Hiroshima telah dibahagikan kepada dua kawasan iaitu Timur dikuasai oleh suku Fukuyama, dan kawasan Barat dikuasai oleh suku Hiroshima, masing-masing memerintah dengan caranya hingga tahun 1871 apabila kerajaan Meiji menghapuskan pemerintahan bersuku dan menubuhkan corak pemerintahan daerah tempatan (*Prefectural Government System*).

Pada tahun 1867, kerabat Tokugawa menyerahkan balik pemerintahan kepada kerabat diraja Jepun dan mulailah pemerintahan kerajaan Meiji. Hiroshima terus berkembang maju sehingga menjadi satu kawasan yang terawal di Jepun mempunyai pentadbiran bandar raya pada tahun 1889. Beberapa projek yang besar dilaksanakan termasuk pembinaan pelabuhan Ujina dan pembukaan kereta api Sanyo.

Walaupun pembinaan pelabuhan Ujina yang dirancang itu bagi

memajukan pelbagai perusahaan dan ekonomi, tetapi keutamaan bagi ketenteraan adalah jelas memandangkan keadaan antarabangsa pada masa itu. Pada tahun 1894, peperangan antara China dengan Jepun meletus, dan bandar raya Hiroshima merupakan pusat pergerakan tentera di Jepun, kebetulan pembukaan pelabuhan Ujina dan kereta api Sanyo, telah diusahakan sebelum meletusnya Perang Sino-Jepun. Hiroshima menyumbangkan berbagai-bagai bantuan logistik yang diperlukan oleh tentera bagi pengangkutan, perhubungan dan merupakan pusat pergerakan ketenteraan dengan bantuan kerjasama daripada angkatan laut di pelabuhan tentera di Kure. Pelbagai rupa bentuk ketenteraan dibina, satu demi satu dan Hiroshima menjadi bandar raya yang ramai dan menarik perhatian orang dari seluruh Jepun. Hiroshima mencapai taraf bandar raya yang moden dan termaju pada masa itu. Kemunculan Hiroshima sebagai "Bandar Raya Tentera" adalah disebabkan Perang Sino-Jepun tahun 1894 dan dikuatkan lagi oleh Perang Rusia-Jepun pada tahun 1904.

Hiroshima yang semakin ramai penduduknya tahun demi tahun, muncul dengan perusahaan yang terbaharu terutamanya dalam tempoh meletusnya Perang Dunia Pertama hingga tahun 1920-an dengan bahan perusahaan kimia yang semuanya itu adalah perusahaan yang memainkan peranan langsung dalam mengeluarkan peralatan perang.

Dengan perkembangan kemajuan yang cepat dan moden, timbul masalah sosial yang menyebabkan penghijrahan keluar negeri berlaku dengan pesat. Orang Jepun ada yang berhijrah ke Barat dan balik dengan membawa pengaruh, cara hidup serta fahaman minda Barat.

Apabila kerajaan Meiji mentadbir Jepun pada tahun 1868, aktiviti masyarakat baru diperkenalkan dan digalakkan dengan mengikut cara hidup Barat, yang dapat dilihat menerusi cara hidup seharian di Hiroshima.

Pada tahun 1902, Maktab Perguruan Hiroshima ditubuhkan. Pada tahun 1929, dibina Maktab Sains dan Persuratan (Hiroshima College of Science and Literature yang kemudiannya menjadi Hiroshima University of Science and Literature - Hiroshima Bumrika Daigaku) dibina. Keadaan ini menarik perhatian para

ilmuan dan menggalakkan penyelidikan bagi menjelmakan ilmu sains yang moden. Hiroshima ketika itu menjadi "Bandar Raya Ilmu", bukan "Bandar Raya Tentera". Walau bagaimanapun, suasana dunia yang semakin bertambah buruk, menjadikan suasana meriah "Bandar Raya Ilmu" dan keghairahan mencipta seni budaya dan ilmu perguruan dan persuratan itu telah kehilangan nafas, kerana kepentingan ketenteraan lebih diutamakan.

Hiroshima terdedah sebagai "Bandar Raya Tentera" bukan hanya kerana meletusnya Perang Sino-Jepun pada tahun 1894 dan sengketa perang antara Rusia dengan Jepun pada tahun 1904, malah kerana kejadian yang berlaku di Manchuria pada tahun 1931 dan diikuti pula oleh kejadian-kejadian yang bergolok di Shanghai, China.

Kejadian-kejadian yang berlaku di China dan Rusia serta Manchuria itu menjadikan Hiroshima terus berjaga-jaga kerana kemajuan ilmu dan taktik peperangan semakin canggih bukan sahaja serangan tentera darat seperti lazim dilakukan semasa Perang Dunia Pertama, malah serangan tentera laut dan udara. Oleh yang demikian, persiapan pertahanan udara bagi Hiroshima disusun rapi dan disediakan dengan sewajarnya dan seterusnya Pusat Pertahanan Udara ditubuhkan. Selain itu, alat-alat pengintai (pemerhati) serangan udara dibina di beberapa tempat yang penting dan strategik.

Demikian keadaan di Hiroshima, yang pada awalnya menikmati perkembangan kemajuan hidup yang aman tenteram sebagai bandar tumpuan menuntut ilmu, bandar aman mencari keharmonian, kebenaran serta kepercayaan, kini kian bertukar corak menjadi bandar tempat tentera menumpukan dan mengumpulkan kekuatan pertahanan negara.

Pembangunan dan perkembangan perusahaan ketenteraan, di dalam dan di sekeliling Hiroshima kian bertambah dari semasa ke semasa. Bilangan penduduknya juga terus bertambah. Sehingga tahun 1942, jumlah penduduknya hampir 420 ribu orang.

Sungguhpun Rusia telah menandatangani Persetiaan Perkecualian (*Neutrality Treaty*) dengan Jepun, tetapi pada 5 April 1945, Rusia telah membatalkan perjanjiannya dengan Jepun itu, malahan tidak lama selepas itu membatalkan Persetiaan Perkecualian, Rusia yang mulanya bersekongkol dengan Jerman dan Itali di Eropah telah berpaling tadah dan bersekutu dengan tentera

Berikat. Rusia bukan hanya bermusuhan dengan Jerman dan Itali yang sudah mulai lemah dan lumpuh itu, malah Rusia juga kemudiannya, hanya beberapa hari sebelum Hiroshima hancur oleh bom atom, telah mengambil bahagian bersama-sama tentera Berikat menyerang Jepun.

Semua kuasa besar dunia bersatu menentang untuk menghancurkan Jepun. Jepun yang biasanya mengamalkan *Gashin-Shoten* (daripada bahasa Cina yang bermaksud sengsara menghadapi hidup dan berulang-ulang untuk menebus penghinaan atau balas dendam) keseorangan di Timur, sesudah Nazi Jerman dan Itali di Eropah kalah. Jepun tidak ada pilihan lain kecuali meneruskan perang.

Sebenarnya Jepun juga ketika itu sudah tergolong dalam kumpulan penjajah di Timur dengan penglibatan dan penaklukkannya terhadap Korea dan Kepulauan Taiwan. Taiwan dalam tempoh pemerintahan Jepun disebut "Formosa", yang diperintah oleh Jepun sejak tahun 1895. Sebelum itu, Formosa adalah dalam kekuasaan Maharani Dowagar seorang ratu China. Taiwan terlepas daripada pemerintahan Jepun hanya apabila Dai Nippon mengaku kalah dalam Perang Dunia Kedua iaitu pada akhir tahun 1945. Bolehlah dikatakan Taiwan pernah berada di bawah pemerintahan Dai Nippon selama 50 tahun.


Pergolakan peperangan dan kesengsaraan di Barat tidak hanya dirasakan oleh negara-negara Eropah yang disebabkan penaklukan Nazi Jerman dan rakan seperjuangannya, malah bahang peperangan itu menembusi ozon di Timur Jauh terutama sekali negeri-negeri yang masih ditakluki dan dijajah oleh British, Belanda dan Amerika Syarikat. Walaupun Jepun tidak pernah menjadi tanah jajahan tetapi tekanan dan pengaruh bangsa-bangsa penjajah dari Barat itu merisaukan Negara Matahari Terbit itu. Hal ini disebabkan Jepun sebagai sebuah negara di Timur yang bersemangat dan bercita-cita besar juga berasa terhimpit bukan hanya dari segi ekonomi dan sosial, malah juga dari segi politik dan keselamatannya di dunia yang terus berkembang ketika itu.

VI

BOM ATOM DI HIROSHIMA

Dua ribu tahun sejak dunia wujud dalam catatan sejarah, inilah pertama kalinya pembunuhan beratus-ratus ribu manusia lelaki perempuan, orang tua, anak-anak kecil, binatang peliharaan atau binatang liar serta segala tumbuh-tumbuhan habis ranap hancur lebur apabila sebiji bom atom digugurkan di Hiroshima. Bom atom yang meletup setinggi 580 meter dari bumi, tepat di atas bandar Hiroshima. Jepun pada pukul 8.15 pagi waktu tempatan, bertepatan pada 6 Ogos 1945 itu, merupakan malapetaka yang belum pernah terjadi dalam sejarah peperangan dunia. Kemusnahan yang berlaku begitu dahsyat, belum pernah terjadi oleh kelaziman senjata konvensional. Pancaran radiasi yang meninggalkan kesan yang berlanjutan itu menggugat kehidupan dan kesengsaraan mereka. Malapetaka pembunuhan itu tidak dapat dilupakan.

Bom atom yang diberi nama *Little Boy* diterbangkan oleh kapal terbang jenis B-29 yang dinamai *Enola Gay* dengan anak-anak kapal terbang di bawah perintah Kolonel Paul W. Tibbets. Kapal terbang itu bertolak dari Pulau Tinian (*Hiroshima Peace Memorial Museum*, 1992, hlm. 3) yang berdekatan dengan Pulau Guam di Lautan Pasifik, sejauh 1700 batu ke Hiroshima melalui Iwo Jima (Pulau Iwo) yang mengambil masa penerbangan selama enam setengah jam. Kapal terbang B-29 *Enola Gay* itu diiringi dua buah kapal terbang yang sejenis dengannya untuk memerhati dan




Bom atom yang diberi nama "Little Boy" digugurkan di Hiroshima.

mengambil gambar-gambar bom atom yang diletupkan itu.

Bom atom yang diletupkan di bandar Hiroshima itu berukuran 120 inci (3 meter) panjang, 28 inci (0.7 meter) garis pusat dan beratnya ialah 9000 pound (4 tan) dengan menggunakan kekuatan lebih kurang 20 kiloton TNT.

Ujian yang amat berat yang diterima Hiroshima dalam letupan



Peta perjalanan pesawat pembom B-29 dari Pulau Tinian menuju ke Hiroshima.

bom atom yang pertama digunakan dalam perang kemanusiaan menjadi catatan sejarah pengalaman yang bukan sahaja bagi Hiroshima, malah bagi seluruh Jepun dan juga dunia. Walaupun penggunaan bom atom itu sebagai satu cara menamatkan Perang Dunia Kedua khususnya Perang Asia Timur Raya, namun bom itu juga membawa masuk era baru bagi kuasa nuklear.

Hiroshima yang musnah, terpaksa menderita akibat kekejaman bom atom. Namun demikian peristiwa itu telah membuka mata seluruh dunia supaya lebih mencintai keamanan dan kemakmuran. Bom atom tidak syak lagi merupakan senjata yang membawa maut terhadap manusia yang tidak bersalah. Bom ini tidak patut lagi digunakan di seluruh alam jagat ini. Haramkan semua senjata pembawa maut. Hindarkan perasaan ganas dan bangga membunuh sesama manusia.

Sejak Perang Dunia Kedua meletus di Barat, setiap bangsa yang menyedari bahaya peperangan telah berlumba-lumba membuat senjata sakti agar dapat memberhentikan peperangan. Tidak ada apa-apa pun yang menjadi kenyataan dapat dilihat, sebaliknya peperangan terus mengganas. Oleh itu, ada pihak yang berpendapat, cara dan jalan untuk memberhentikan perang, hanyalah dengan membuat dan mengeluarkan senjata canggih yang benar-benar berkesan dan boleh dengan cepat menjahanamkan bangsa dan kuasa pengganas dan tidak mempunyai perasaan perikemanusiaan.

Walaupun penyelidikan awal tentang bom atom itu bermula di Jerman, usaha itu juga dibuat oleh ahli sains di Amerika Syarikat. Jerman sebagai teman perkongsian Jepun yang paling rapat dalam ikatan "Berlin-Tokyo-Rom" dalam Perjanjian Kuasa-kuasa Paksi, adalah ditakuti atau dikhuatiri akan kebolehan mereka mengeluarkan bom atom. Dengan kekhuatiran itulah beberapa ahli sains Amerika telah menyatakan kepada Presiden Roosevelt, cadangan kemungkinan membuat bom atom. Cadangan itu timbul dalam suasana Perang Dunia Kedua yang baru meletus di Eropah pada tahun 1939.

Menyedari nasihat dan pendapat ahli-ahli sains itu sangat berguna, Presiden Roosevelt telah mengeluarkan arahan agar orang Amerika menumpukan perhatian bagi menghasilkan pengeluaran


tenaga atom itu dengan seberapa cepat yang boleh sebelum Jerman berjaya membuatnya. Walau bagaimanapun, harapan itu hanya dapat direalisasikan apabila Vennever Bush tampil ke hadapan mengepalai projek itu beberapa tahun kemudian.

Penyelidikan rahsia Amerika Syarikat itu yang dinamakan "Projek Manhattan", menggunakan perbelanjaan yang agak banyak dengan tenaga pakar yang gigih bermula pada tahun 1942. Beberapa ujian telah dibuat daripada pelbagai senjata tetapi tidak berkesan. Akhirnya, satu penyatuan daripada dua jenis senjata api yang disebut W-235, begitu memuaskan penajanya, bahawa senjata itu sangat besar kesan letupannya. Itu merupakan hasil kejayaan yang bersejarah setelah bersusah payah menyelidik dan menguji yang mengambil masa hampir tiga tahun. Ujian telah dilakukan di padang pasir berdekatan "Alamogordo", New Mexico pada 16 Julai 1945. Itulah bom atom, kejayaan pertama Amerika Syarikat yang tercatat dalam sejarah dunia. Amerika Syarikat berjaya membuat bom atom selepas lebih kurang tiga tahun Jepun menyerang Pearl Harbour pada 8 Disember 1941.

Dengan kejayaan ujian itu, pada 25 Julai 1945, Amerika Syarikat dengan bangganya menyatakan bahawa bom atom itu akan digugurkan di Jepun. Dalam pengumuman yang dihebahkan, "Gabungan Pasukan 509" tentera udara ke-20, akan menghantar bom khas pertama itu secepat yang sesuai dengan udara atau hawa menunjukkan penglihatan mengebom iaitu selepas 3 Ogos 1945 ke atas satu daripada sasaran Hiroshima, Kokura, Niigata dan Nagasaki.


Bom atom yang diberi nama *Little Boy* itu telah dibawa dari San Francisco, Amerika Syarikat, pada 16 Julai 1945 oleh sebuah kapal perang penjajah yang bernama *Indianapolis*, menyeberangi Lautan Pasifik dan selamat sampai di Pulau Tinian pada 26 Julai 1945, lalu dimuatkan ke dalam *Enola Gay*. Empat hari kemudian, selepas sempurna menyampaikan *Little Boy* di *Enola Gay*, dalam pelayaran balik, kapal perang *Indianapolis* itu telah tenggelam terkena torpedo kapal selam Jepun di barat Pulau Guam pada 30 Julai 1945.

Enola Gay yang menggugurkan *Little Boy* di bandar Hiroshima itu berada di ruang angkasa setinggi 25 000 kaki di timur laut bandar




"Awan cendawan" di ruang angkasa Hiroshima sejam selepas bom atom digugurkan.

Hiroshima. Bom atom tersebut meletup di udara kira-kira 1740 kaki jarak dari bumi selepas lebih kurang 43 saat dilepaskan dari *Enola Gay* iaitu tepat pukul 8.15 pagi pada 6 Ogos 1945. Tempat pusat ledakan itu disebut *Hypocentre*.




Pusat pengguguran bom atom di Hiroshima.



Kedudukan pusat bandar raya Hiroshima selepas pengeboman




Mangsa yang terbakar seluruh badan.



Kesan kemusnahan akibat pengeboman (terletak sejauh 350 meter dari Hypocentre)

Langit Hiroshima pada pagi itu cerah dan tidak ada sekepul awan berarak kerana waktu itu musim panas. Matahari memancar dengan terang, hawa panas semakin melambung tinggi, menambah tenaga pecahan dan radiasi bom atom makin berkesan dan meluas.

Enola Gay yang terus terbang balik menuju pangkalannya di Pulau Tinian mengutus berita yang dihebahkan ke seluruh dunia:



Bandar raya Hiroshima selepas pengeboman.

"Hasil jelas penuh berjaya dalam semua rancangan!"

"Kita telah sempurnakan tugas!"

"Hadiah untuk Hiroshima!"

Berita kejayaan itu disambut dengan penuh kegembiraan di Pulau Tinian. Hiroshima yang luas dan indah telah hancur berkecai, musnah di tangan bom atom yang penuh bertenaga luar biasa. Hiroshima ranap menjadi padang jarak padang tekukur.

Lima puluh tahun lebih telah berlalu sejak 6 Ogos 1945 Hiroshima hancur, dan pada 9 Ogos 1945, Nagasaki runtuh dan ranap, namun kesan peperangan dan kebinasaan masih bersenandung dengan irama sedih berserta kenangan jiwa manusia yang telah dikorbankan.

* * *

Pada malam itu, di Washington, Presiden Harry S. Truman, mengumumkan melalui radio gelombang pendek bahawa bom yang digugurkan di Hiroshima itu adalah senjata nuklear yang tidak diketahui oleh mangsa-mangsanya. Sebenarnya tidak ada sesiapa pun yang mengetahui selain mereka yang mencipta dan orang Amerika yang menguasainya bahawa bom yang digugurkan di Hiroshima pada 6 Ogos 1945 itu ialah bom atom.

Letupan yang seolah-olah halilintar membelah bumi itu begitu kuat, menggegarkan kawasan yang luas dengan cahaya umpama petir memancar, meruntuhkan bangunan, membakar, membunuh, memusnahkan segala yang terdedah di seluruh bandar Hiroshima. Sesungguhnya tujuh batang sungai yang mengalir di Hiroshima itu telah membawa bersamanya ribuan mayat manusia dan binatang, sedangkan di seluruh daratan Hiroshima cahaya api terus menyala ganas membakar korban-korban daripada tenaga bom yang luar biasa itu.

Sebenarnya, pada 6 Ogos 1945, hari Isnin, waktu tengah malam, telah kedengaran siren amaran serangan udara. Tetapi tidak sampai dua jam selepas itu, siren dibunyikan lagi yang bererti tidak ada lagi musuh. Pagi hari itu juga kira-kira pukul 7.00 pagi kedengaran lagi siren yang bererti kapal terbang musuh akan datang, tetapi setengah

jam kemudian kedengaran siren menyatakan tidak ada lagi musuh di udara.

Apabila mendengar isyarat ruang udara aman, penulis bersama-sama Abdul Razak dan Hassan Rahaya bersiap sedia untuk menghadiri kuliah pada pagi itu. Kami berjalan ke kampus universiti (Hiroshima Bunrika Daigaku) dan penulis bertemu kawan-kawan penuntut dan berbual-bual dengan mereka, sementara Razak dan Hassan terus masuk ke bilik kuliah. Rupa-rupanya pensyarah telah pun berada di bilik kuliah. Ketika itu sudah pun pukul 8.00 pagi dan kedengaran suara:

“Sup! *Hayaku hairi nasai!*”

“Sup!! Lekas masuk, *sensei* sudah ada!”

Penulis terus berlari dan masuk ke bilik kuliah. Profesor Kiyoshi Toda telah sedia dalam bilik lalu penulis tunduk membongkok, mohon maaf kerana terlambat masuk dan terus duduk. Profesor Toda baru hendak memulakan kuliahnya. Tidak sampai 10 minit sesudah penulis masuk dan duduk di bangku, tiba-tiba kelihatan cahaya memancar bagai kilat melalui cermin tingkap bilik kuliah.

“Sup! Kilat!” Razak menjerit.

Serentak dengan itu satu letupan yang sangat dahsyat seolah-olah halilintar membelah bumi dengan cahaya umpama kilat memancar. Hanya itu yang dapat sangat penulis ingati kerana selepas itu penulis tidak sedar diri. Selepas Razak berseru memanggil nama penulis beberapa kali, barulah penulis sedar dan kami dapat keluar dengan merangkak daripada runtuhannya bangunan tempat kuliah kami. Di luar tanah lapang, kami dapati Profesor Toda telah ada dan menyuruh kami balik ke asrama, kerana kami pun menyangka asrama itu masih terselamat, kalau mengikut kelaziman kerosakan akibat bom biasa.

Kami berempat, iaitu Hassan Rahaya, Abdul Razak, Arifin Bey dan penulis berjalan menuju arah Asrama Konan Ryo di tepi Sungai Motoyasu berhampiran dengan Jambatan Yorozuyo. Sepanjang perjalanan balik ke asrama itu tidak ada lain yang kedengaran hanyalah tangisan, laungan derita suara manusia yang menjadi mangsa dan yang masih bernyawa di bawah runtuhannya rumah-rumah dan bangunan-bangunan di sepanjang jalan yang kami lalui.

"*Tasukete ee, Oi iii!*" (Tolong, Oi).

"*Dare ka ... Kowii iii!*" (Siapa, ... Sini).

"*Itai-Itai iii!*" (Sakit, sakit).

"*Tasukete ... tasukete Kureii!*" (Tolong! Tolong! – beri pertolongan).

Di sana sini manusia yang masih bernyawa terbuju, meraung kesakitan, berteriakan, bertangisan. Di sepanjang perjalanan, kedengaran suara merayu pilu menyayat hati.

"*Tasukete kudasai!*" (Tolong, tolonglah).

"*Mizu kudasai!*" (Air, tolonglah).

"*Okasan ... Okaa caan!*" (Mak! Maakkk!).

"*Otosan ... Oto cuan!*" (Pak! Paakkk!).

"*Mizu Chodai ... Mizunau!*" (Air, tolong, minta air).

Sepanjang jalan balik ke asrama itu kami melihat rumah-rumah, bangunan, jalan raya musnah dan berselerak. Dawai telefon dengan tiang-tiangnya semua bengkok patah menyembah bumi, begitu juga dawai elektrik berselerak putus tidak berfungsi lagi. Kami terpaksa meneruskan perjalanan berpijak di atas timbunan rumah, melangkah pecahan kaca, patahan besi dan melalui bumbung yang runtuh ranap.

Kami melihat manusia yang masih bernyawa dan terselamat itu terhuyung-hayang, lemah-longlai, ada yang hanya berpakaian seluar atau *monpei* tetapi kebanyakannya bertelanjang bulat sama ada lelaki atau perempuan dan kanak-kanak. Kelihatan kulit tangan melecet seolah-olah memakai sarung tangan, dan badan mereka kelihatan merah. Tidak terkira suara tangisan yang meminta tolong dari bawah dan dalam timbunan runtuh rumah itu. Jeritan meminta diselamatkan, memanggil ayah, emak dan anak, malah macam-macam nama yang kadang-kadang tidak dapat difahami tujuan maksudnya, hanya Allah Yang Maha Memahami dan Maha Mengetahui.

Setibanya kami dekat kawasan asrama di tepi Sungai Motoyasu itu, dari jauh sudah jelas kelihatan yang asrama tempat kami menginap itu juga sudah sujud ke bumi, roboh runtuh sama seperti keadaan rumah-rumah dan bangunan-bangunan yang telah kami lihat sepanjang perjalanan tadi. Hal ini menjadikan penulis bertambah hairan akan apa yang sudah terjadi, dalam sekejap mata sahaja seluruh bandar raya Hiroshima telah hancur lebur. Penulis makin

bertambah hairan apabila berjumpa dengan Nik Yusof bersama-sama Profesor Toshio Nagahara. Penguasa Asrama (Ryokan). Kedua-duanya berpakaian tidak lengkap dan mereka menuju ke hala universiti. Mereka kelihatan lemah dan berjalan berpegang antara mereka. Sambil berjalan dengan keadaan yang menyedihkan Nik Yusof berpaling dan berkata dengan suara yang lemah. "Kami tidak apa-apa, sila tolong kawan-kawan yang di asrama." Kemudian dia terus berjalan dalam keadaan yang membimbangkan.

Kami meneruskan perjalanan ke asrama. Asrama dan bangunan-bangunan sekeliling itu semua roboh, susah hendak mencari di mana sebenarnya letaknya asrama kami. Jarak kedudukan asrama di tepi Sungai Motoyasu dengan pusat ledakan bom atom itu lebih kurang 900 meter sahaja, berbanding jarak kedudukan Universiti Hiroshima dengan pusat ledakan iaitu lebih kurang 1.5 kilometer.

Apabila kami sampai di tempat yang kami agak bangunan asrama itu, kami mula mencari dan memanggil nama-nama yang mungkin tertimbus di bawah runtuhan.

"*Ryobo San!*" (Matron Ryo).

"*Matsushita San!*" (adik perempuan Ryobo).

"*Sagala San!*" (Sagala Adil).

"*Omar San! Omar Kun!*"

Syed Omar dari Johor sebenarnya telah tertimbus di runtuhan asrama itu, tetapi dia berjaya keluar dan berlindung di *bokugo* (lubang pelindung serangan udara). Dia keluar dari *bokugo* apabila mendengar namanya dipanggil. Dengan berbaju tidur fesyen Jepun, dia mendapatkan kami dengan gembira dan terus berjalan bersama-sama kami ke runtuhan asrama itu.

Sambil berjalan, kami terus memanggil nama Ryobo San, Matsushita San dan Sagala San, dan kami terdengar suara parau. Kami terus menggali dan membongkar timbunan kayu-kayan di arah suara parau itu. Di situ kami temui Ryobo San yang nampak kepalanya sahaja, tetapi dia meminta kami mencari adik perempuannya, dan meninggalkan dia masih tertimbus seluruh badan. Sedang kami mencari adik perempuan Ryobo San, kami terdengar lagi satu suara yang lemah dan mengerang kesakitan yang difikirkan itulah Matsushita. Apabila kami bongkar runtuhan

itu, yang kami temui bukan Matsushita, tetapi dia ialah Cik Asako Sumida seorang pekerja di sebuah pejabat cawangan dari Syarikat Perkapalan Chugoku yang dibangunkan sebelah bangunan asrama kami.

Di kiri kanan dan sekeliling belakang asrama itu api yang membakar runtuh rumah-rumah sedang dahsyat menyala, bagaimanapun kami terus mencari Sagala Adil. Rupa-rupanya Sagala Adil juga tertimbus di bawah runtuh asrama itu tetapi dia tidak cedera disebabkan dia berada di celah pintu batu, hanya dia tidak berdaya untuk keluar. Dengan Kudrat Allah s.w.t., suaranya kedengaran, dan dalam suasana kelam-kabut, kiri kanan api sedang hebat menyala. Sagala Adil dapat kami selamatkan keluar. Kami berempat bersama-sama Sagala dan Syed Omar, dalam suasana yang maha dahsyat itu berusaha menyelamatkan berpuluh-puluh orang yang tertimbus di rumah-rumah dan bangunan di sekeliling asrama itu. Sesungguhnya kami telah pun berjaya menyelamatkan berpuluh-puluh wanita dan lelaki yang kami tempatkan di dua buah rakit yang memang ada di Sungai Motoyasu itu. Dua buah rakit yang diperbuat daripada kayu dan buluh itu penuh sesak dengan gadis penuntut yang kami selamatkan. Kulit tubuh dan tangan kebanyakan gadis itu meleceet sehingga menampakkan tubuh mereka merah.

Udara semakin membahang panas, api terus menyala, nafas sesak, pesakit lelaki dan wanita yang diselamatkan di atas dua buah rakit itu bersesak kesakitan. Api yang menyala dari kedua-dua belah tebing sungai itu menjulang tinggi mengisi kekosongan udara di sungai yang sedang surut mengalir. Kami tidak dapat menaiki rakit kerana penuh dengan pesakit, lalu kami terjun ke dalam sungai itu sambil menyelam menolak rakit-rakit itu ke tengah sungai bagi mengelakkan bahaya api yang bermaharajalela menutup sungai itu. Kami terpaksa menyelam dengan berpegang di tepi rakit dan timbul semula apabila api telah reda. Tetapi malangnya apabila api telah reda dan tidak lagi menyerang ke arah sungai, kami melihat kesan yang sungguh menyedihkan. Kami dapati banyak antara mereka yang berada di atas rakit dan tidak dapat bergerak itu rupa-rupanya sudah mati terbakar, badan mereka merah, rambut hangus rentung dan pakaian di badan mereka menjadi abu.

Lebih kurang pukul 5.00 petang, hari Isnin 6 Ogos 1945 itu, kami tidak tahu ke mana hendak dituju. Bangunan asrama telah hancur hangus, tinggal tunggul dan bara yang masih berapi dan berasap dengan kemungkinan Ryobo San, Cik Takahashi dan adiknya Cik Matsushita serta Encik Gliahiro Iwata juga sama terkorban menjadi abu di kuburan Asrama Konan itu.

Air Sungai Motoyasu terus surut mengalir ke laut. Di tebing sungai yang melandai tohor itu seolah-olah kawah besar terbuka. Kelihatan di kiri kanan tebing sungai itu ribuan mayat bergelimpangan, merah macam udang direbus. Di darat, manusia yang masih bernyawa ada yang berbaring, duduk dan tersungkur, dan ada yang berjalan-jalan rebah, meraung-raung dan merayu meminta air untuk diminum. Sedaya upaya kami beri pertolongan dan memberi mereka minum air yang didapati dari air bertakung dan dari paip air yang kami tidak ketahui akan kebersihannya. Mereka minum air itu untuk menghilangkan dahaga tekak yang sudah lama kering.

Malam itu tiada tempat untuk berehat tidur. Suara yang sayu pilu, keluhan kesedihan dan kesakitan, ratapan tangis menyelubungi alam sekeliling.

Di kejauhan, kelihatan api menyala, asap semakin tebal meliputi kawasan bandar Hiroshima. Penulis terbaring di tanah, dikelilingi oleh beberapa manusia yang sedang menderita sakit – yang tidak tahu mengapa dan apa malapetaka yang menimpa Hiroshima.

Sebelum itu pada petangnya, kami dapat mengutip beberapa bungkusan yang berisi makanan *bento* (*obento*) iaitu bekal makan tengah hari yang tercampak atau tertinggal dan tidak terbakar. Makanan itu kami kumpulkan dan diberi kepada orang yang dapat kami beri yang sudah tentu kelaparan dan kehausan.

Sebiji buah labu kuning yang sudah hangus kami petik dari kawasan yang berdekatan asrama itu. Dengan tidak mengira akan buruk baiknya, apa-apa saja yang dapat dimakan kami usahakan untuk orang yang memerlukan pertolongan. Dalam pada itu suara merayu pilu masih kedengaran:

“*Tasukete kudasai!*” (Tolong! Tolonglah).

“*Mizu, mizu u, miizuu kudasai!*” (Minta air, air, air).

Nik Yusof bersama-sama dengan Toshio Nagahara yang kami jumpai di perjalanan tadi tidak kami temui lagi walaupun telah beberapa tempat kami pergi untuk mencari mereka. Dalam kawasan asap masih berkepul serta kebakaran masih menyala, tanpa mengendahkan kepenatan, kami terus memanggil nama Nik Yusof, tetapi hampa, kami tidak menjumpainya.

Semalam-malaman itu di hujung Jambatan Yorozuyo, setelah siang tadi tenaga digunakan menolong beratus-ratus orang yang terkorban daripada malapetaka azab itu, mata yang mengantuk, kadang-kadang terlelap jua seketika. Namun kemudian terjaga semula apabila mendengar laungan sedih daripada manusia yang sama-sama terbaring di tepi Jambatan Yorozuyo, menyebabkan kami "tidur-tidur ayam" kata orang.

Esoknya, 7 Ogos 1945 hari Selasa, subuh-subuh lagi kami telah tersedar daripada tidur-tidur ayam. Ketika itu, kami tidak berapa mendengar suara merintih kesakitan dan rayuan yang menyayat hati, seperti yang berlaku hingga tengah malam tadi. Rupa-rupanya kebanyakan mereka telah menjadi mayat. Tanpa kami sedari, rupa-rupanya kami terbaring dan tertidur dengan ratusan mayat manusia. Antara ratusan mayat di tepi tebing Sungai Motoyasu itu ialah penuntut-penuntut perempuan yang telah kami berikan pertolongan siang hari semalam, walaupun sebahagiannya itu masih hidup dan berupaya bersama kami. Kami memberi nasihat pada mereka dengan kata-kata yang menghibur dan memberangsang semangat agar *ganbaru* (sabar) dan *gamansuru* (berserah dengan sabar) dalam menempuh hidup.

Bangunan Konan Ryo (Asrama Konan) yang terletak di tepi Sungai Motoyasu itu asalnya ialah kepunyaan keluarga Maekawa. Kini bukan hanya Asrama Konan itu hancur terbakar malahan seluruh bandar Hiroshima juga telah menjadi padang jarak padang tekukur. Wajah yang indah menarik hati itu dahulu, kini bertukar menjadi bumi kesedihan, yang mengorbankan ratusan ribu jiwa manusia, tua, muda, kanak-kanak serta binatang dan tumbuh-tumbuhan.

Kami kebingungan, ke mana hendak dituju untuk meneruskan hidup yang masih dipelihara Allah, walaupun sengsara menderita, ajal dan maut tetap menjadi keredaan dan kehendak Allah s.w.t.

Setelah bermuafakat dengan mereka yang rela bersama-sama kami, kami berhasrat untuk berpindah ke kawasan rangka bangunan Universiti Hiroshima. Di situ masih ada beberapa buah bilik yang walaupun rosak, tetapi masih ada ruang yang boleh digunakan.

Dengan ihsan dan kebenaran Profesor Takeo Fujiwara, pensyarah bahagian fizik di Universiti Hiroshima, kami bertujuh, "tujuh serumpun" iaitu Mohamad Tarmidi dari Jawa, Syed Omar dari Tanah Melayu, Sagala Adil dari Sumatera, Arifin Bey dari Sumatera, Abdul Razak dari Tanah Melayu, Hassan Rahaya dari Jawa dan penulis dari Brunei, diikuti bersama oleh keluarga Maekawa iaitu Yokiko Maekawa, Riyo Maekawa (nenek Yokiko), Shigeka Maekawa (emak Yokiko), Tokiko Maekawa (adik Yokiko) serta Chieko Sasaki, teman sesekolah dengan Tokiko Maekawa. Chieko Sasaki dijumpai oleh Tokiko sedang merayau-rayau di Takanobashi mencari emaknya Chiga Sasaki dan adiknya Takako Sasaki yang tinggal di Kokutaiji Machi yang berhampiran dengan Universiti Hiroshima, tetapi kerana kepenatan dan lelah dia tertidur di hujung Jambatan Miyaki pada malam itu (7 Ogos 1945), dan pagi hari itulah dia bertemu dengan Tokiko dan terus menginap bersama-sama. Begitu juga dengan Kimie Inoue, pekerja di Chigoku Electric Power Ltd, yang mencari bapanya tetapi tidak bertemu. Dia duduk di tepi Sungai Motoyasu sendirian pada malam 6 Ogos 1945 itu, sengsara dan keletihan. Akhirnya Kimie Inoue juga tinggal bersama dengan kumpulan penuntut Asia Tenggara serta penuntut-penuntut yang sedia bersama mereka awal-awal lagi. Sebelum itu, Chieko Sasaki telah bertemu dan membawa bersamanya Meiko Takahasi ke kampus Universiti Hiroshima.

Nenek dan emak Yokiko Maekawa yang dibawa bersama-sama ke kawasan Universiti Hiroshima patah kaki dan tangan menyebabkan mereka tidak dapat berjalan. Mereka itu kami bawa dalam kereta roda dua yang disorong atau ditunda tarik secara bergilir-gilir hingga ke kawasan kampus Universiti Hiroshima itu. Kemudian mereka dibaringkan dalam bilik yang penuh dengan pecahan kaca dan perkakas bilik yang telah rosak berkecai. Perpindahan rombongan kami tiba di kawasan kampus universiti dengan selamat. Kami bertujuh terus menyelenggara dan mengawasi keperluan serta apa juga bantuan yang mereka inginkan. Peri-

kemanusiaan tidak memilih warna kulit, bangsa dan agama, bantuan kami daripada perasaan ikhlas dan perikemanusiaan, sikap yang mulia.

Hari ketiga selepas bom atom digugurkan, kami masih tertanyanya sesama sendiri apa akan terjadi kepada dunia ini, sesudah dua buah bandar besar Jepun hancur dan beratus-ratus manusia terkorban. Kami tidak mendapat berita, apakah Jepun akan mengaku kalah menyerah diri atau akan meneruskan perjuangan menegakkan Asia Timur Raya untuk kehormatan bangsa atau ingin dan mencintai keamanan, demi menyelamatkan berjuta-juta jiwa manusia secepat amnya dan jiwa rakyat Jepun khususnya.

Kami tidak tahu apakah akan terjadi sekiranya bom atom itu masih banyak dan digunakan untuk mengebom bandar-bandar besar di Negara Matahari Terbit itu. Manusia yang mempunyai fikiran yang waras dan berperikemanusiaan sahaja, yang bijaksana memikirkan dan mengusahakan dan berdoa dengan keredaan Allah, agar tidak ada lagi bom atom.

Pada 8 Ogos 1945, hari Rabu, sejak awal pagi lagi Meiko Takahashi mempelawa kami bersamanya ke runtunan rumah mereka di Kampung Kuji, daerah Asa. Meiko Takahashi berhajat untuk menggali *bokugo* di kawasan runtunan mereka itu untuk mendapatkan makanan yang disimpan di situ. Malangnya kami dapati semua beras serta barangan lain dalam tin yang disimpan itu terbakar hangus. Sebiji takar gelas yang berisi beras menjadi cecair beku oleh kepanasan yang sangat tinggi daripada bahang bom atom itu.

Dengan takdir Allah, dalam kehampaan Meiko Takahashi tidak mendapati apa-apa yang diharap-harapnya, dia bertemu dengan Puan Kaneko Takahashi iaitu ibu kandung Meiko. Meiko memperkenalkan kami sebagai *Nanpo Tokubetsu Ryogakusei* yang telah menyelamatkannya dan membawa dia tinggal bersama-sama kami. Puan Kaneko Takahashi terperanjat mendapati anaknya dengan wajah dan pakaian yang kotor tetapi dia bersyukur dan berterima kasih atas budi baik kami. Kejadian yang sama juga terjadi kepada Cheiko Sasaki yang sudah ditemukan Allah dengan ibunya Puan Chiga Sasaki yang juga bersama-sama kami di kawasan kampus Universiti Hiroshima.

Sejak kami berada di kawasan runtuhannya Universiti Hiroshima itu, kami telah menjelajah ke seluruh runtuhannya bandar raya Hiroshima untuk mencari Nik Yusof dari Tanah Melayu yang belum dapat ditemui lagi selepas pertemuan kami pada 6 Ogos 1945. Walaupun kami berasa penat dan hampa untuk mendapatkan Nik Yusof itu, tetapi usaha mencari, tetap kami teruskan. Kami kemudiannya menemui Zhu Ding Yu iaitu seorang penuntut dari China yang sedang terbaring di antara banyak mayat di kawasan Hospital Palang Merah. Zhu Ding Yu kami bawa ke kawasan universiti untuk diberi rawatan selanjutnya.

Usaha mencari Nik Yusof serta Toshio Nagahara (penjaga asrama) kami teruskan. Namun yang kami dapati ialah khabar bahawa mayat mereka dijumpai orang di kawasan Jambatan Meiji.

Encik Toshio Hanaoka yang tinggal tidak jauh dari Asrama Konan telah menceritakan, semasa beliau sedang mendukung adiknya Shizu Hanaoka dan singgah di Rakurakuin untuk menemui seorang doktor bagi merawat adiknya, dia sempat memberi minum air kepada seorang yang diagaknya penuntut luar negeri. Rakurakuin terletak di bandar Hsukaichi. Di situ ada seorang pegawai kerajaan yang bernama Koichi Hirata telah membawa tiga kotak abu tulang yang terbakar dan menyerahkan kotak-kotak itu kepada Tokito Hoshizuki seorang ketua agama di Kuil Kozan bandar itu. Antara kotak abu tulang itu terdapat sekeping kertas ditulis dengan nama "Nik Yusof". Ketua Agama Tokito Hashizuki yang diamanatkan menyimpan kotak tersebut dengan baik hati telah menyempurnakan perkuburan Nik Yusof di Kuil Kozan. Akhirnya perkuburan Nik Yusof itu disempurnakan mengikut Islam pada bulan Mei 1964 di satu kawasan di Hiroshima, yang pernah penulis ziarahi pada 6 Ogos 1992 dengan panduan daripada Profesor Yoshiro Egami.

Sesudah beberapa hari sejak 7 Ogos 1945, kami masih menumpang di kawasan kampus Universiti Hiroshima. Kami tinggal di ruang bilik yang rosak berkecai tanpa melihat cahaya lampu, hanyalah kerlipan bintang bertaburan di langit yang gemerlapan, sungguh kelihatan cantik memancar menghiasi langit Hiroshima pada waktu malam.

Empat orang daripada keluarga Maekawa yang sakit dirawat dan dijaga oleh kami. Abdul Razak dan penulis dengan dibantu



Penulis menziarahi kubur Nik Yusof di Hiroshima pada 6 Ogos 1992

oleh gadis-gadis, membalut dan mengubati mereka yang cedera dengan ubat-ubat yang kami peroleh. Kecederaan patah kaki dan tangan yang dideritai oleh Puan Riyo Maekawa dan Puan Shigeko Maekawa semakin serius. Tulang pergelangan kaki Puan Shigeko semakin bengkak dan mula berulat. Walaupun berkali-kali dibalut dan diubati, ulat-ulat itu tidak mati. Anaknya Tokiko pula menghidap batuk, mendatang dengan tiba-tiba dan bertalu-talu. Dengan keadaan yang sangat mendukacitakan itu, mereka berfikir jika keadaan demikian berpanjangan, mungkin akan lebih menyulitkan. Kebetulan

pula saudara tua Riyo (kakak Riyo Maekawa) yang tinggal di Ushita-Machi yang tidak berapa jauh dari kampus universiti iaitu lebih kurang tiga kilometer di utara universiti, mengetahui akan keadaan mereka yang menderita itu.

Akhirnya keluarga Maekawa berpindah ke Ushita-Machi. Mereka dibantu oleh Syed Omar dan Arifin Bey serta penuntut dari Asia Tenggara yang lain menghantar keluarga Maekawa dengan menggunakan kenderaan dua roda bagi dua orang wanita tua yang cedera kaki dan tangan itu. Dalam perjalanan ke Ushita-Machi, mereka sempat singgah di runtuh rumah mereka dan meninggalkan pesanan di atas batu dengan menulis:

"Kepada Morio dan Yosio. Nenek, Emak, Yokiko dan Tokiko akan berada di rumah di Ushita-Machi."

Ternyata yang dimaksudkan Morio dan Yosio itu ialah dua adik beradik anak perempuan Encik Matsujiro Shigata, yang tinggal di Kampung Kameyama, daerah Asa, luar bandar Hiroshima, dan menjadi keluarga kepada keluarga Maekawa.

Dalam pada itu, keluarga Shigata ingin mencari di mana keluarga Maekawa itu berada. Morio dan Yosio Shigata telah pergi ke runtuh rumah keluarga Maekawa di Ote-Machi dan terbaca pesanan yang tertulis di batu besar yang ditinggalkan oleh Yokiko dan Tokiko. Dari sana mereka terus ke Ushita-Machi dan berjumpa dengan keluarga Maekawa yang tinggal dalam sebuah pondok di kawasan ladang sayuran. Kedua-dua beradik itu balik ke rumah mereka di Kampung Kameyama dan menceritakan pengalaman dan kisah perjumpaan mereka dengan keluarga Maekawa. Akhirnya Encik Matsujiro Shigata dengan anak lelakinya Satoshi Shigata pergi ke Ushita-Machi dan membawa keluarga Maekawa itu ke Kampung Kameyama. Kebetulan pada waktu itu Syed Omar berada di sana menjaga keluarga Maekawa. Sebagaimana yang dilakukan oleh Syed Omar semasa keluarga itu pindah dari kampus universiti ke Ushita-Machi begitulah jua dilakukannya dengan menempatkan kedua-dua wanita tua yang tidak dapat berjalan itu dalam kenderaan roda dua. Jarak dari Ushita-Machi ke Kampung Kameyama itu ialah 17 kilometer.

Seorang wanita yang baik budi bernama Puan Sakuma, yang

rumahnya berhadapan dengan Asrama Konan sebelum bom atom menghancurkan bandar raya Hiroshima, tetapi apabila rumahnya juga hancur dan hangus, dia tinggal di rumah Shisaku Miwa di 199.2 bahagian selatan Ushita-Machi. Dengan perasaan ikhlas dan kasih sayang serta penuh simpati melihat penuntut luar negeri yang terpaksa tidur di halaman universiti itu, Puan Sakuma meminta Encik Shinsaku Miwa agar memberi izin kepada kami tinggal di rumahnya. Allah Maha Pengasih, dengan izin-Nya kami diterima oleh Shinsaku Miwa tinggal bersama keluarganya. Mulai 14 Ogos 1945, kami tinggal di rumah Shinsaku Miwa. Semasa kami akan pindah ke rumah Miwa, perpisahan antara kami dengan wanita-wanita yang bersama kami di kampus itu dibauri rasa sedih bercampur mesra dalam sejarah kesengsaraan hidup yang tidak termimpi oleh kami. Kami berjabat tangan sambil mengucapkan selamat tinggal dan berdoa semoga bahagia dan hidup dalam keadaan sihat dan berjaya.

Syed Omar misalnya telah berkata kepada Chieko Sasaki yang dia akan balik ke Tanah Melayu tetapi akan datang lagi ke Jepun suatu ketika nanti apabila dia sudah tua dan berjaya dalam kehidupan, dan dia meminta agar Chieko kekal sihat dan bahagia pada masa itu.

Kimie Inoue pula mengingati dengan jelas pemandangan bayang-bayang seorang penuntut luar negeri dan seorang wanita Jepun sedang berdiri berdekatan di kampus universiti.

Setelah bersalaman mesra, Chieko Sasaki dan ibunya Chiga Sasaki telah pulang ke Kampung Hegashino, daerah Asa. Sedang Meiko Takahashi dengan ibunya Kaneko Takahashi kembali ke kampungnya di Kampung Kuji, daerah Toyota, dan Kimie Inoue pula tinggal di tingkat empat di bangunan Chugoku Electric Supply yang sudah terbakar, dengan beberapa orang yang rumah mereka telah hancur oleh bom. Hanya enam orang penuntut dari Asia Tenggara iaitu Syed Omar, Sagala Adil, Arifin Bey, Abdul Razak, Hassan Rahaya dan penulis serta penuntut China iaitu Zhu Ding Yu dan Dong Yong Zheng yang tinggal. Enam orang penuntut dari Asia Tenggara itu disertai oleh seorang lagi iaitu Mohd. Tarmidi berpindah ke rumah keluarga Miwa di 199.2 bahagian selatan Ushita-Machi, menumpang kasih daripada belas kasihan manusia yang bernama Shinsaku Miwa dan isterinya Fumiko Miwa serta wanita berbudi baik Puan Sakuma. Kami amat bersyukur atas



Eneik Syed Omar
(Sumber: Puan Chieko Nakamura)



Eneik Adil Sagala
(Sumber: Puan Hiroko Yoshitaka)



Eneik Muskarna Sastranegara
(Sumber: Puan Harue Harue)



Eneik Mochammad Tarmidi
(Sumber: Puan Michiko Nakahara)



Eneik Nik Yusof
(Sumber: Puan Chieko Nakamura)



Eneik Arifin Bey
(Sumber: Puan J.I.C.A.)



Eneik Abdul Razak
(Sumber: Puan Fumiko Sasaki)



Eneik Hassan Rahaya
(Sumber: Puan Fumiko Sasaki)



Eneik Pengiran Yusuf
(Sumber: Puan Fumiko Sasaki)

Sembilan orang penuntut Islam di Hiroshima Bunrika Daigaku (Universiti Hiroshima)



Gambar foto Ibrahim Mahmod, Pengiran Yusuf, Hasan Ahmad dan Abdul Razak

rahmat Allah yang telah kami nikmati.

Pada 15 Ogos 1945, hari Rabu, waktu tengah hari, kami sedang berehat, berdiam diri. Tiba-tiba siaran radio meminta perhatian pendengarnya, iaitu saat bersejarah yang melaungkan suara Maharaja Jepun. Baginda bertitah menyatakan bahawa peperangan telah tamat. Jepun menyerah kalah kepada tentera Berikat. Dengar suara yang sedih, seakan-akan tidak dapat didengar, baginda bertitah antara lain:

"Beta tidak dapat melihat rakyat beta yang tidak berdosa itu menderita sengsara berpanjangan."

Itulah pertama kalinya dalam sejarah Jepun suara Maharaja Jepun dapat didengar oleh seluruh rakyatnya. Mendengar suara ini dan mengetahui Jepun kalah dalam Perang Asia Timur Raya, seolah-olah semalu disentuh, daunnya kuncup tunduk ke bumi, begitulah yang terjadi kepada rakyat Jepun. Kebanyakan mereka tunduk dan menangis teresak-esak, apabila mereka mendengar secara langsung suara Maharaja Jepun yang disiarkan melalui corong radio.

Titah diraja yang menyatakan peperangan telah tamat membawa kesan yang terpaksa ditaati oleh seluruh rakyat Jepun. Ada antaranya yang berasa kecewa bahkan ada yang memburukkan diri secara adat orang Jepun yang diwarisi oleh samurai ne moyang mereka iaitu "harakiri". Titah diraja itu adalah perintah Tenno Heika - "zettai meirei", yang akhirnya Jepun menyerah tanpa syarat, yang telah diselesaikan dengan Perjanjian Penyerahan pada 1 September 1945, di atas kapal *USS Missouri*, yang berlabuh di Teluk Tokyo. Menteri Luar Mamoru Shigemitsu yang diteruskan oleh Ketua Panglima Tentera Jepun Umezumi, mewakili kerajaan Jepun dan bagi pihak tentera Berikat telah diketuai oleh Jeneral Douglas MacArthur, Panglima Angkatan Perang Amerika Syarikat yang diberi jolokan "I shall return".

Bom atom telah menyebabkan bandar raya Hiroshima dan Nagasaki lebur, Jepun menyerah kalah. Dunia diharapkan aman. Yang menderita hanya manusia yang mewarisi Hiroshima dan Nagasaki. Bagaimanapun, bom atom berjaya menghentikan perang dan membawa dunia kembali mengutamakan keamanan.

Encik
(Sumber)

Encik N
(Sumber)

Encik Abda
(Sumber: Pt)



Maharaja Hirohito mengisytiharkan 'Penyerahan Kalah' Jepun pada 15 Ogos 1945

"Oh, syukurlah, tidak lama lagi kita dapat makan durian." Abdul Razak Hamid melepas rasa hati rindunya sesudah mendengar Perang Asia Timur Raya tamat, yang bererti semua penuntut akan berpeluang kembali ke tanah air masing-masing. Kembali berkhidmat kepada bangsa dan negara. Sesungguhnya difahami, kekalahan Jepun dalam peperangan itu tidaklah akan mengubah

nasib negara-negara di Asia Timur Raya. Asia Timur Raya tidak akan terlepas daripada kuasa penjajahan Barat. Asia Timur Raya kembali ke rahang buaya.

Penuntut-penuntut Asia Tenggara amat bersyukur untuk kembali ke tanah air. Walau bagaimanapun, terbayang rasa kesedihan untuk meninggalkan Jepun yang sedang menanggung derita kesengsaraan akibat bom atom itu.

“Sila hantar sesiapa jua yang bertugas dan bertanggungjawab bagi penuntut-penuntut luar negeri.” Demikian bunyi kawat yang dikirim kepada Pertubuhan Penuntut Antarabangsa di Tokyo dari Universiti Hiroshima pada 16 Ogos 1945, hari Khamis, iaitu sesudah ketetapan daripada Maharaja Jepun, bahawa Jepun menyerah kalah.

Kawat tersebut segera diambil tindakan oleh pegawai yang bertanggungjawab di Tokyo, dengan memerintahkan dua orang pegawai agar segera ke Hiroshima untuk menyelenggara hal ehwal penuntut-penuntut luar negeri yang telah terperangkap dan menderita selepas bom atom menghancurkan Hiroshima.

Pegawai yang diperintahkan pergi ke Hiroshima itu ialah Hitoshi Kanazawa, seorang pegawai dari Pertubuhan Penuntut Antarabangsa di Tokyo dan ditemani oleh Eiichi Noguchi Sensei, seorang guru di Sekolah Bahasa Jepun. Kedua-duanya telah bertolak dari Tokyo pada tengah hari 17 Ogos 1945 menuju Onomichi dan menginap semalam di sana. Di sana mereka mendengar cerita yang menggerunkan yang menimpa Hiroshima daripada orang yang melarikan diri dan orang yang melawat Hiroshima. Kedua-dua pegawai itu diceritakan akan kesan dan akibat ledakan bom atom yang membunuh dan menyiksa penduduk Hiroshima.

Esoknya, pada 18 Ogos 1945, Hitoshi Kanazawa dan Eiichi Noguchi Sensei menaiki kereta api pagi dan tiba di stesen Hiroshima pada tengah hari, sesudah empat jam lebih dalam perjalanan dari Onomichi ke Hiroshima. Setibanya mereka di kawasan kampus Universiti Hiroshima segala berita dan keadaan penuntut Asia Tenggara telah dijelaskan kepada mereka oleh pegawai di universiti itu dan mereka telah dibawa ke rumah Shinsaku Miwa. Kanazawa dan Noguchi Sensei terperanjat melihat kegembiraan penuntut-penuntut itu menerima kedatangan mereka kecuali Syed Omar yang pada masa itu tidak begitu ceria.

"Adakah kamu ini anak Tuhan?" Kedua-dua pegawai itu hairan melihat kami yang segar dan tidak mendapat cacat anggota.

"Kami adalah anak keturunan yang beragama Islam," jelas seorang daripada kami.

"Allah Maha Pengasih dan Penyayang dan Maha Berkuasa, jika Allah belum menghendaki hamba-Nya, walau apa pun menimpa diri hamba-Nya, jika Allah masih melindunginya, dia akan sentiasa terpelihara," sambungnya bagi menjelaskan lagi kekuasaan Allah.

Kemudian Hitoshi Kanazawa dan Eiichi Noguchi Sensei memberi berita gembira kepada kami dan menambalikan rasa riang serta semangat, bahawa kami akan dibawa balik ke Tokyo.

Persediaan terus diatur untuk membolehkan kami balik ke Tokyo. Akhirnya saat perpisahan tiba iaitu pada malam 25 Ogos 1945, hari Sabtu. Sebelum meninggalkan rumah keluarga Miwa yang telah memberi pertolongan kepada kami selama lebih kurang dua minggu, diadakan sedikit jamuan perpisahan untuk mengucapkan selamat jalan kepada kami dan ucapan terima kasih dan syukur kami atas budi baik yang telah dicurahkan oleh keluarga Miwa kepada kami seramai tujuh orang itu. Majlis tersebut disulami juga dengan rasa sedih kerana terpaksa berpisah.

Syed Omar, Sagala Adil, Arifin Bey, Abdul Razak Hamid dan penulis merupakan rombongan pertama yang akan meninggalkan Hiroshima kerana dua orang lagi iaitu Hassan Rahaya dan Mohamad Tarmidi terpaksa tinggal sementara menanti Muskarna Sastera-negara dikeluarkan dari hospital.

Kami berlima yang berasal dari Pulau Jawa, Brunei, Pulau Sumatera dan Tanah Melayu yang akan meninggalkan keluarga Miwa yang budiman itu telah menulis sebuah sajak atau *haiku* di atas kertas dengan berus dalam dawat hitam untuk keluarga Miwa. Hassan Rahaya juga mengumpulkan wang yang dikutip daripada setiap orang (kami) dan diberikan kepada keluarga Miwa sebagai menimbal perbelanjaan yang digunakan selama kami tinggal di rumah mereka.

Sesudah mengucapkan "*Domo arigato gozaimashita*" (terima kasih banyak-banyak), "*Mata, dokoka de omeni kakarimasu*" (entah di manakah, berjumpa lagi) dan "*Sayonara*" (selamat tinggal, jumpa lagi), kami meninggalkan Hiroshima dengan dipandu oleh Eiichi Noguchi Sensei sahaja kerana Hitoshi Kanazawa terpaksa

pergi ke Kurashiki atas urusan kematian emaknya di sana. Di stesen Hiroshima, kami berlima terpaksa menanti kereta api dalam kesejukan yang ditambah dengan tiupan angin dan hujan lebat selama lebih tiga jam di platform yang atapnya habis diterbangkan oleh bom atom. Kereta api itu pula penuh sesak dan tidak ada orang yang dapat tidur.

Setelah semalaman tidak dapat tidur walaupun mengantuk selepas menghadiri malam perpisahan di rumah keluarga Miwa dan menempuh kehujanan dan kesejukan berjam-jam di platform stesen kereta api Hiroshima dan menempuh perjalanan yang agak lama, akhirnya kami tiba di stesen Kyoto. Di sana, kami disambut oleh beberapa orang penuntut Asia, yang terdiri daripada penuntut dari Pulau Jawa, Filipina dan Tanah Melayu. Penulis bergegas hendak turun apabila terampak kawan serumpun di platform kereta api Kyoto itu, iaitu Sharif dari Jawa. Penulis lantas memanggil namanya.

"Sharif! Apa khabar?"

Dia memandang ke arah penulis yang memanggilnya, tetapi dia tidak datang malah tetap berdiri dan terus merenung.

"Sharif, Sharif San!" seru penulis lagi.

Tiba-tiba dia terus berlari dan mendakap penulis sambil mengalirkan air mata.

"Saudara Yusuf, kau hidup!" katanya sambil mengesat air matanya. "Berita kuterima, kau meninggal, korban bom atom," sambungnya dalam pelukan mesra.

Penulis terharu dan berasa sedih. "Nantilah, Sharif, saya akan ceritakan nanti," jawab penulis ringkas.

Dari stesen kereta api Kyoto kami dibawa ke Asrama Antarabangsa Kyoto tempat kami menginap buat sementara waktu sebelum meneruskan perjalanan ke Tokyo.

Kemudian Sharif bertanyakan lagi tentang kejadian yang menimpa kami di Hiroshima. Dengan memegang erat tangan penulis, dia bertanya, "Benar-benar Yusuf, apa sudah terjadi? Saya diberitahu, Yusuf mati, terkorban di Hiroshima. Ini ... kau bersamaku, hidup dan masih seperti Yusuf dulu masa kita bersama di Kokusai Gakuyukai di Tokyo." kata Sharif dengan wajah yang terharu, sedih. "Apa yang sebenarnya terjadi?" sambungnya lagi.

Negeri
 Perpisahan
 1945

Penulis berasa sedih mendengar pertanyaannya, mengenangkan keikhlasan seorang teman yang penulis kenali selama bersama-sama belajar Nippongo di Tokyo.

"Sebenarnya Rif, Allah Maha Pengasih dan Penyayang, Allah Maha Berkuasa, kami masih dilindung-Nya, sebenarnya yang meninggal memang benar Yusof," kata penulis.

"Tapi mengapa kau masih hidup?" soal Sharif dan terus memeluk penulis. Kami berdakapan, menitis air mata kesyukuran.

"Yusof yang kau dapat beritanya mati itu ialah Nik Yusof dari Tanah Melayu," jawab penulis ringkas.

"Jadi ada dua Yusof di Hiroshima?" Sharif mengeluh.

"Ya, Nik Yusof dari Tanah Melayu, Pengiran Yusuf dari Brunei."

"Syukur, Allah Maha Agung dan Berkuasa kita dapat hidup dan dilindung-Nya." Sharif berkalimah.

"Alhamdulillah, semoga kita terus mendapat rahmat-Nya," balas penulis.

Di Asrama Penuntut Antarabangsa di Kyoto itu kami berhimpun, bersalam-salaman dan kami bercerita tentang kedahsyatan dan kesengsaraan hidup akibat ledakan bom atom yang menghancurkan seluruh bandar Hiroshima.

Dalam masa kami di Kyoto itu, Syed Omar yang sejak di Hiroshima lagi kelihatan letih dan kurang sihat telah dimasukkan ke hospital di bahagian Jurusan Perubatan Kyoto Imperial University, di bawah jagaan Doktor Yoshihiro Hamajima yang sentiasa mengawasi dan mengusahakan sebarang pertolongan yang boleh untuk Syed Omar.

Oleh sebab Eiichi Noguchi Sensei terpaksa tinggal di Kyoto menemani Syed Omar, hanya kami berempat (Abdul Razak, Arifin Bey, Sagala Adil dan penulis) bertolak pada 29 Ogos 1945, hari Rabu meninggalkan Kyoto menuju ke Tokyo. Tiba di Tokyo kami ditempatkan semula di asrama masing-masing semasa di Kokusai Gakuyukai, sebelum meninggalkan Tokyo dahulu untuk ke Hiroshima pada awal tahun 1945.

Syed Omar yang telah dimasukkan ke hospital itu didapati bahawa darah putihnya sangat rendah dan berkurangan. Dia susah hendak menelan apa jua, yang menyebabkan dia tidak dapat menerima apa pun ubat. Pengubatannya hanyalah dengan cara

memasukkan pemindahan darah sahaja yang mana telah diberi oleh Doktor Hamajima sendiri kepadanya. Darah putih dalam tubuh manusia merupakan "askar" yang boleh menghalang serangan dalam tubuh manusia. Kalau darah putih tinggal sedikit, musuh senang memusnahkan tubuh tanpa tentangan askar yang sepatutnya menghalang serangan.

Ketika Syed Omar berada di Hospital Kyoto itu, beberapa orang penuntut dari Asia Tenggara telah dengan ikhlas bergilir-gilir menjaganya di bilik hospital, setiap enam jam seorang. Semasa giliran Martokusumo Sujatim, seorang mahasiswa yang menuntut Bahagian Pertanian menjaganya, Syed Omar tiba-tiba hendak mengatakan sesuatu kepadanya tetapi dia tidak dapat memahami apa-apa yang dibisikkan oleh Syed Omar itu. Akhirnya Syed Omar yang berumur 19 tahun itu menghembuskan nafas yang akhir pada awal pagi 4 September 1945 di bilik Hospital Kyoto Imperial University, Kyoto, Jepun.

Berita kematian itu telah diberitahu dengan segera kepada doktor dan teman-teman penuntut di Kyoto. Eusoffe Abdul Kadir, seorang mahasiswa dari Tanah Melayu yang menuntut di Bahagian Undang-Undang di Universiti Kyoto berserta dengan isteri Pengarah Asrama Kyoto bagi Penuntut Antarabangsa dengan pertolongan Ketua Bahagian Penuntut di Universiti Kyoto telah memohon izin untuk menggunakan perkuburan bandar raya bagi mengebumikan jenazah Allahyarham Syed Omar. Permohonan tersebut telah beroleh persetujuan. Kawasan perkuburan ialah di Bukit Dainichi. Beberapa orang penuntut Asia Tenggara telah siap sedia menggali liang lahad dan menyempurnakan secara agama Islam pengebumian Syed Omar di sana pada petang hari itu juga. Eusoffe Abdul Kadir telah mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang sama-sama menyempurnakan istiadat pengebumian itu.

Kubur Syed Omar di Bukit Dainichi, bandar raya Kyoto itu ditandai dengan dua batang nisan yang diperbuat daripada kayu, tetapi setelah lebih kurang 13 tahun nisan kayu itu reput. Keadaan yang menyedihkan itu diberitakan oleh majalah minggu yang bernama *Shukan Asahi* bertarikh 3 Ogos 1958. Berita itu mendapat perhatian seorang Jepun yang baik hati iaitu tuan punya restoran di Yase, bandar raya Kyoto, yang bernama Eibun Sonobe. Oleh sebab

keadaan sedemikian tidak elok bagi bandar raya Kyoto, dia terus meminta adiknya Kenkichi Sonobe yang bekerja di pejabat bandar raya Kyoto, agar memohon kebenaran pihak berkuasa di bandar raya Kyoto untuk membina perkuburan baru bagi kubur Syed Omar.

Proses untuk membaharui kubur yang sudah reput itu telah diuruskan oleh Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa dari bandar raya Kyoto dengan menulis surat kepada Dr. Syed Mohsen Al-Sagoff iaitu abang kepada Allahyarham Syed Omar, untuk meminta keizinan bagi membuat kubur baru bagi Syed Omar. Jawapan yang diterima ialah:

“Terima kasih, biarkan seperti itu.” (*Please, leave it as it is.*)


Tetapi Kenji Ushijima yang pernah datang ke Tanah Melayu semasa Perang Dunia Kedua itu (Perang Asia Timur Raya) menulis surat kepada Dr. Mohsen menyatakan keadaan kubur itu dan bahawa Eibun Sonobe dan kerajaan bandar raya Kyoto menghendaki kubur itu dibangunkan dan dibaharui. Rayuan ini mendapat jawapan daripada Dr. Mohsen pada 11 Mac 1960 menyatakan kepada Kenji Ushijima sekiranya kubur baru itu dibuat dengan cara Islam, dia akan mengizinkan kerajaan bandar raya Kyoto membangunkan satu kubur baru. Malangnya Eibun Sonobe sakit dan dimasukkan ke hospital tetapi usaha itu dilaksanakan oleh adiknya Kenkichi Sonobe. Tapak kubur itu diberi oleh Cik Sokyō Tokai dari Kuil Enko dan batu kubur telah dihadiahkan oleh Torakichi Nishimura (penjual batu). Penukaran tapak kubur dari Bukit Dainichi ke kawasan baru di Kuil Enko telah dilakukan pada 2 September 1961 dan disempurnakan upacaranya bersama-sama imam-imam Islam dari Masjid Kobe, dengan nisan yang bertulis:

“Syed Omar! Kamu datang ke Hiroshima, Jepun untuk menuntut, jauh dari Tanah Melayu, kamu telah disambut oleh ledakan bom atom. Ah! Kami sangat berdukacita. Tetapi ingatlah bahawa ada orang Jepun yang tidak akan melupaimu selamanya.”

(*“Mr. Syed Omar! You come to Hiroshima, Japan to study from far away Malaya. However, you were welcomed by the atomic bombing. Ah! We are very very sorry. But please remember that there are some Japanese who will not forget you forever.”*)




Gambar Kenangan penuntut MASBO sedang menikmati makan tengah hari di Meguro-ku, Nakano-ku, Tokyo, pada tahun 1944




Penuntut MASBO di hadapan Kakusai Gakuyukai, Tokyo

En. Syed Omar




En. Abdul Razak




En. Pengiran Yusuf



En. Adil Sagala



En. Arifin Bey



Puisi yang ditulis oleh pelajar asing (25 Ogos 1945).




Penuntut-penuntut Selatan dirakan oleh penduduk Hiroshima.



Majlis pertemuan *Nanyo Tokubutsu* ke-40 di Tokyo pada 31 Oktober 1983



Penulis menemui Profesor Kiyoshi Toda di Universiti Hiroshima pada 12 Julai 1982



Profesor Yoshiro Egami – bekas Ketua Jabatan Hubungan Antarabangsa,
Universiti Hiroshima.

VII

PENUTUP

Awal bulan September 1945, di Tokyo.

Suasana di bandar raya Tokyo telah berubah. Orang tidak ramai di jalan-jalan raya yang keadaannya sunyi tidak semeriah dahulu lagi. Di mana-mana kelihatan askar berambut keriting hitam yang beruniform warna kekuningan dengan senjata tersangkut di bahu mereka yang kebanyakan bentuk tubuh mereka tegap-tegap dan berkulit hitam dan ada juga yang cerah putih.

Kami ditempatkan di Asrama Naka Meguro. Meguroku, di belakang bangunan Kokusai Gakuyukai atau International Student Institute (ISI).

Pada 1 September 1945, hari ketibaan kami di bandar raya Tokyo itu merupakan hari yang bersejarah, kerana pada hari itulah secara rasmi Jepun menyerah kalah tanpa syarat dalam Perang Asia Timur Raya, Perang Dunia Kedua. Istiadat menandatangani penyerahan Jepun kepada tentera Berikat itu disempurnakan di atas sebuah kapal perang Amerika Syarikat yang berlabuh di Teluk Tokyo iaitu *USS Missouri*.

Sejak tiba di Tokyo, kami terus dihubungi oleh wakil-wakil kuasa besar yang memerintah di Asia Timur Raya yang berada di Tokyo, misalnya British menghubungi penuntut-penuntut dari Tanah Melayu, Brunei dan Singapura; Amerika Syarikat menghubungi rakyat Filipina; Belanda menghubungi rakyat Kepulauan Indonesia.



Upacara menandatangani perjanjian penyerahan kalah Jepang yang diadakan di atas kapal *USS Missouri* pada 1 September 1945.



INSTRUMENT OF SURRENDER OF JAPANESE FORCES UNDER
THE COMMAND OR CONTROL OF THE SUPREME COMMANDER,
JAPANESE EXPEDITIONARY FORCES, SOUTHERN REGIONS,
WITHIN THE OPERATIONAL THEATRE OF THE SUPREME
ALLIED COMMANDER, SOUTH EAST ASIA

1. In pursuance of and in compliance with:

- (a) the Instruments of Surrender signed by the Japanese plenipotentiaries by command and on behalf of the Emperor of Japan, the Japanese Government, and the Japanese Imperial General Headquarters at Tokyo on 2 September, 1945;
- (b) General Order No. 1, promulgated at the same place and on the same date;
- (c) the Local Agreement made by the Supreme Commander, Japanese Expeditionary Forces, Southern Regions, with the Supreme Allied Commander, South East Asia at Rangoon on 27 August, 1945;

is all of which Instrument of Surrender, General Order and Local Agreement this present Instrument is complementary and which it in no way supersedes, the Supreme Commander, Japanese Expeditionary Forces, Southern Regions (Field Marshal Count Terachi) does hereby surrender unconditionally to the Supreme Allied Commander, South East Asia (Admiral The Lord Louis Mountbatten) himself and all Japanese sea, ground, air and auxiliary forces under his command or control and within the operational theatre of the Supreme Allied Commander, South East Asia.

2. The Supreme Commander, Japanese Expeditionary Forces, Southern Regions, undertakes to ensure that all orders and instructions that may be issued from time to time by the Supreme Allied Commander, South East Asia, or by any of his subordinate Naval, Military or Air Force Commanders of whatever rank acting in his name, are scrupulously and promptly obeyed by all Japanese sea, ground, air and auxiliary forces under the command or control of the Supreme Commander, Japanese Expeditionary Forces, Southern Regions, and within the operational theatre of the Supreme Allied Commander, South East Asia.

3. Any disobedience of, or delay or failure to comply with, orders or instructions issued by the Supreme Allied Commander, South East Asia, or issued on his behalf by any of his subordinate Naval, Military or Air Force Commanders of whatever rank, and any action which the Supreme Allied Commander, South East Asia, or his subordinate Commanders, acting on his behalf, may determine to be detrimental to the Allied Powers, will be dealt with as the Supreme Allied Commander, South East Asia may decide.

4. This Instrument takes effect from the time and date of signing.

5. This Instrument is drawn up in the English language, which is the only authentic version. In any case of doubt as to intention or meaning, the decision of the Supreme Allied Commander, South East Asia is final. It is the responsibility of the Supreme Commander, Japanese Expeditionary Forces, Southern Regions, to make such translation into Japanese as he may require.

Signed at Singapore at 0341 hours (C.M.T.) on 12 September, 1945.

陸軍大将 板垣征四郎
SUPREME COMMANDER
JAPANESE EXPEDITIONARY FORCES,
SOUTHERN REGIONS.



Louis Mountbatten
SUPREME ALLIED COMMANDER,
SOUTH EAST ASIA.



Makuraja Hirohito bersama-sama dengan Jeneral Douglas MacArthur.

Kami telah diberi bantuan oleh Pertubuhan Palang Merah yang berupa makanan dan minuman serta diberi sepasang pakaian seragam tentera Australia, British dan juga Amerika Syarikat.

Kami dan penuntut lain yang terselamat daripada bom atom di Hiroshima ditawarkan sama ada hendak terus melanjutkan pelajaran di mana-mana universiti di Jepun atau hendak pulang ke negara masing-masing. Kebanyakannya memilih hendak pulang ke tanah air walaupun ada juga yang ingin tinggal dan meneruskan pelajaran

masing-masing di Jepun, malah ada juga yang berumah tangga di Jepun.

Dengan perasaan rindu kepada tanah air tercinta, di samping kenangan suka duka di perantauan dengan kenalan dan para budiman warga Nihonjin yang tidak mungkin dilupai kerana budi baik mereka dan pengalaman dahsyat akibat bom semasa di Tokyo dan di Hiroshima, akhirnya kami berenam iaitu Ibrahim Mahmud (Kepol), Hasan Ahmad, Kasim Kamidin, Eusoffe Abdul Kadir, Abdul Razak Hamid dan penulis ditempatkan di Lapangan Terbang Haneda lebih kurang dua minggu sebelum menaiki kapal terbang B-29 pada 23 September 1945 menuju ke Manila.

Sesudah singgah di Okinawa, kami selamat sampai di Manila, Filipina. Dari Lapangan Terbang Manila kami ditempatkan di sebuah kem di luar bandar raya Manila. Di situ kami dilayan dengan baik. Selain makan dan minum, kami dapat menonton filem yang ditayangkan dengan pereuma di kem yang didiami oleh tawanan perang dengan penuh kawalan oleh tentera Berikat yang terdiri daripada tentera Amerika Syarikat, British dan Australia.

Selama berada di kem itu, kami juga diberi kesempatan melawat bandar raya Manila dengan menumpang kereta yang digunakan tentera berulang-alik ke bandar Manila. Bandar raya Manila yang baharu sahaja mengalami kesan Perang Asia Timur Raya walaupun mengalami kerosakan tetapi masih merupakan sebuah bandar yang indah di Asia Tenggara pada waktu itu.

Walau apa pun pengalaman dan penderitaan yang dilalui dan dirasai, ingatan kepada tanah air tidak pernah luput. Penulis telah menulis surat kepada ayah di Tutong, Brunei, sejak di Tokyo lagi, malah semasa di Manila juga penulis menulis surat lagi menyatakan penulis terselamat daripada menjadi korban bom atom, dan insya-Allah akan kembali ke Brunei untuk menemui sanak saudara. Penulis menyatakan di mana penulis berada ketika itu, tetapi malangnya penulis tidak menerima secebis pun balasan daripada mereka. Penulis sentiasa berdoa semoga penulis diizinkan Allah agar dapat bertemu lagi dengan keluarga dalam suasana yang bahagia.

Sesudah mengalami kehidupan di kem di luar bandar Manila lebih kurang tiga minggu, akhirnya kami berdua dari Borneo berserta empat orang dari Tanah Melayu iaitu Ibrahim Mahmud (Kepol),

Hasan Ahmad, Eusoffe Abdul Kadir dan Abdul Razak Hamid, bertolak dari Manila, Filipina, menuju ke Singapura dengan sebuah kapal perang tentera Amerika Syarikat. Setelah beberapa malam dalam pelayaran menyusur Laut China Selatan yang bergelombang dan berangin ribut, akhirnya kami selamat sampai di Pulau Singapura pada 15 Oktober 1945.

Di Singapura, Kasim Kamidin dan penulis tinggal di kem Changi, tetapi Ibrahim Mahmud, Hasan Ahmad, Eusoffe Abdul Kadir serta Abdul Razak Hamid, masing-masing balik terus ke negeri masing-masing. Ibrahim Mahmud balik ke Johor, Hasan Ahmad balik ke Melaka, Eusoffe Abdul Kadir ke Pulau Pinang dan Abdul Razak Hamid balik ke Selangor. Hanyalah kami berdua dari Borneo masih merana di Singapura menanti ketetapan untuk balik ke Brunei dan ke Sabah.

Dari kem Changi kami berpindah ke kem Nee San, dari sana berpindah pula ke kem Alexander. Kesemua kem ini di Singapura yang pada masa itu masih dalam pentadbiran tentera British dan Australia.

Pengalaman yang masih terbayang di ruang mata ialah semasa penulis ke kem Alexander menaiki sebuah trak M.G. yang dipandu oleh seorang askar dari Australia. Kami tiba di sebuah kem tempat menyimpan barang-barang makanan dan minuman untuk kesemua kem di Singapura. Dalam masa menunggu barang-barang makanan dan minuman yang akan dibawa ke kem Alexander, penulis melihat berpuluh-puluh orang bekas tentera Jepun yang menjadi tawanan perang, sedang membuat apa jua kerja yang diaturkan kepada mereka sebagai tawanan perang. Dalam trak M.G. itu penulis menghisap rokok yang baru penulis buka dari kotaknya. Dalam masa yang sama, sebuah kereta lain telah lalu di kawasan itu dan seorang daripada penumpang kereta tersebut sama ada dengan sengaja atau telah memang menjadi kebiasaannya telah membuang puntung rokok yang nampaknya baru separuh dihisap. Puntung rokok yang dilemparkan itu telah dipungut oleh salah seorang tawanan perang itu dan penulis nampak mereka menghisap puntung rokok itu bergilir-gilir.

Melihat keadaan yang sedemikian, penulis terus turun dari trak M.G. itu dan menemui mereka serta menghulurkan bungkus rokok

yang baru penulis buka tadi kepada mereka. Sambil menundukkan kepala mereka mengucapkan, "*Domo arigato gazaimasita.*"

"*Iye, nanino nai, dootashimashite.*" jawab penulis.

Mendengar jawapan penulis dalam bahasa yang mereka fahami itu, mereka terus menghampiri penulis dan bertanya, "*Doko de benkyoshita no, Nihon go ga umai ne?*"

(Di mana belajar, bahasa Jepun itu elok), kata salah seorang daripada mereka.

Penulis ceritakan bahawa penulis baru balik dari Hiroshima. Jepun, bersama-sama dengan beberapa orang penuntut di Hiroshima Bunrika Daigoku dan juga penuntut dari Tanah Melayu yang menuntut di universiti yang lain di Jepun.

Mendengar nama Hiroshima itu mereka semakin berminat untuk mengetahui kejadian-kejadian yang berlaku di negara mereka. Bermacam-macam pertanyaan tentang apa-apa yang telah terjadi di tempat-tempat kediaman atau daerah-daerah mereka. Dengan keadaan yang sedih yang tidak dapat penulis bayangkan, hanya terasa apa yang mungkin mereka fikirkan dalam keadaan yang mereka alami sebagai perajurit yang menerima kekalahan dalam perang dan perjuangan hidup mereka, apabila mendengar cerita penulis itu.

Dalam masa yang terhad penulis hanya dapat menceritakan serba sedikit kedahsyatan yang menimpa bandar raya Hiroshima yang sudah hancur menjadi padang jarak padang tekukur yang memakan korban jiwa beratus ribu manusia dan harta benda.

Mendengar cerita ringkas tentang bom atom di Hiroshima itu, dapat penulis perhatikan air muka perajurit yang telah menjadi tawanan perang itu, sedih dan muram malah ada antara mereka yang menitikkan air mata dan ada pula yang kelihatan garang dan geram. Siapa pun tidak dapat memahami rasa hati manusia yang sebenarnya hanyalah Allah yang Maha Mengetahui akan perasaan hamba-Nya, seperti yang terjadi kepada perajurit Jepun itu.

Dengan bergegas penulis tinggalkan mereka sesudah mengucapkan "*Sayonara*" dan penulis menaiki trak M.G. yang telah sedia menanti penulis untuk balik ke kem Alexander. Itulah secebis kenangan di Singapura pada akhir tahun 1945.

Rakyat Singapura dan keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu

yang kembali di bawah pemerintahan British, mula hidup dengan semangat baru dan menempuh corak hidup baru yang berhadapan dengan suasana perubahan yang mencabar. Namun begitu, Singapura ketika itu masih mempunyai tiga dunia, iaitu Dunia Baru (*New World*), Dunia Gembira (*Happy World*) dan Dunia Besar (*Great World*) iaitu tiga dunia hiburan yang sudah ada sejak Singapura belum ditawan Jepun dahulu.

"Tidak sungguh seluang melaut akhirnya pulang ke lubuk juga." Itulah nasib yang diterima oleh dua orang putera Borneo Utara atau "Kita Borneo" iaitu Kasim Kamidin, putera Tawau dari Sabah dan penulis dari Brunei. Akhirnya kami diterbangkan dengan kapal terbang tentera British ke Pulau Labuan dan mendarat di Pulau Labuan pada 18 November 1945 dan dihantar ke sebuah kem yang disebut "Layang-Layangan". Pulau Labuan telah ditawan semula daripada pemerintah Jepun oleh tentera Australia pada 10 Jun 1945.

Di kem Layang-Layangan di Pulau Labuan ini, Kasim Kamidin dan penulis berlunjur kaki sambil berbaring berbantalkan kayu keras di atas pangkin kain kanvas dan berkelambu jarang (nipis dan berlubang kecil), melindungi serangan nyamuk yang sentiasa mengiang-ngiang, berterbangan, yang mengimbau kenangan kami akan serangan kapal terbang yang menggugurkan bom di bandar raya Hiroshima dahulu.

Setelah menjalani hidup di kem Layang-Layangan selama lebih kurang 20 hari, penulis mengucapkan "selamat tinggal" kepada Kasim Kamidin kerana penulis telah menjejakkan kaki menaiki sebuah kapal kecil, kepunyaan kerajaan Brunei yang diterajui oleh seorang Melayu Brunei yang bernama Serang Masu.

Bertolak dari Pulau Labuan pada petang 8 Disember 1945, penulis selamat menjejak bumi Brunei Darussalam pada malam hari itu juga, tanpa seorang pun yang menyambut penulis. Nasib baik Cikgu Hashim Tahir, kebetulan ada di Jambatan Kastam. Dengan perahu berpengayuhkan kayu selebar beberapa inci, penulis dibawa berkayuh menuju Kampung Pengiran Pemancha Lama ke rumah Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Md. Salleh II, iaitu sepupu penulis sebelah ayah, Pengiran Durahim (Pengiran Haji Abd Rahim).

Di situ penulis dikerumuni oleh sanak saudara yang ada di

Kampung Pengiran Pemancha Lama, penulis duduk di tengah-tengah mereka. Kami bersalam-salaman dan penulis bersyukur kepada Allah s.w.t. yang telah merahmati penulis dapat kembali ke pangkuan ibunda Brunei Darussalam.

Begitu ramai sanak saudara yang mengerumuni kedatangan penulis yang terselamat daripada korban bom atom itu, tetapi tidak kelihatan ibu bapa, abang-abang dan kakak malahan penulis tidak melihat "Tua", iaitu emak saudara sulung bernama Pengiran Lauyah. Sambil menoleh ke kiri dan ke kanan penulis bertanya:

"Di mana bapa?"

"Pa' Ji sudah muleh," jelas Pengiran Abu Bakar (PAB) dengan ringkas.

"Mengapa ia inda menanti kediku?" soalku lagi kerana kalau dia muleh tentu ia ke Tutong. Tidak ada seorang pun yang menjawab, senyap dan bertoleh-tolehan antara satu dengan yang lain.

"Pa' Ji Duraim, sudah meninggal dunia, dia meninggal di Tutong bersama-sama dengan Awangku Kula berkubur di Tutong," jelasnya, membuat penulis memahami bahawa "muleh" itu kembali ke Rahmatullah, bukan hanya bererti pulang ke rumah. Penulis hanya merenung mukanya dan berdiam diri lalu, "Inna Lillahi wa inna Ilaibi rajium." Kata-kata itu sahaja yang dapat penulis ucapkan.

"Bukan hanya Pa' Ji Duraim dan Awangku Kula yang muleh, kakakmu Dayangku Marian dan anaknya Dayangku Halifah, serta Tuamu, Bu Lauyah jua inda lagi ada," sambung Kak Bini (isteri PAB), mencelah dari belakang, menambahkan perasaan penulis bertambah sedih.

Semua yang hadir malam itu senyap sunyi. Dengan penuh kesabaran, penulis tidak menitikkan air mata, hanya sekali lagi mengucap, "Inna Lillahi wa inna Ilaibi rajium, semoga Allah..."

Belum habis doa penulis, Kak Bini menyambung, "Tapi Mak Limah, ada menanti Adi di Tutong," katanya terus merenung muka penulis.

Penulis tidak berupaya mengeluarkan kata selain "Alhamdulillah, Allahu Akbar."

Takdir Allah, penulis menjadi anak yatim, setelah nyaris terkorban oleh bom atom. Ayah, abang, kakak, Tua serta anak saudara dan banyak lagi telah meninggal dunia. Penulis kembali ke

pangkuan ibunda kehilangan keluarga yang penulis harap-harap tempat bermanja, kiranya Allah mengatur sedemikian, itulah kehendak-Nya.

Pantang mati sebelum ajal.

Allah Maha Berkuasa.

Sesungguhnya bom atom bukan sahaja mempunyai kuasa pembinasanya yang jauh melebihi kuasa yang terdaya oleh bom biasa yang telah pernah digunakan, malah mempunyai kuasa yang berlarutan mengganggu kesihatan makhluk yang disebabkan cahaya pancaran di tubuh yang terdedah. Dengan demikian bom atom ialah senjata asas yang tidak dipertikaikan sebagai senjata maut yang sewajarnya tidak patut digunakan lagi di seluruh dunia.

Bandar Hiroshima dan Nagasaki merupakan hujah yang kuat kepada kebenaran kenyataan tersebut yang diakui oleh manusia seluruh dunia.

Bom atom tidak menang perang di Pasifik, yang benarnya bom atom melekaskan Jepun menerima kekalahan yang akan tetap terjadi walaupun dengan tidak menggunakan bom atom.

Dan sesungguhnya bom atom juga dapat diterjemahkan sebagai senjata yang membatalkan keganasan dan menghalalkan keamanan dunia, yang menyelamatkan berjuta-juta manusia daripada menjadi korban keganasan peperangan.

Keinsafan membawa kesedaran dan kesabaran membimbing kebahagiaan.

Sebagai penghormatan dalam penglibatan memperingati ulang tahun yang ke-50 tahun bom atom digugurkan di Hiroshima pada 6 Ogos 1945, maka penulis nukilkan kembali ucapan yang sangat berfaedah untuk kita, yang dilafazkan oleh Yang Berhormat Encik Takashi Hiraoka, Datuk Bandar Hiroshima, Jepun dalam "Pengisytiharan Keamanan" di Istiadat Kenangan Aman hari itu.

"It is now half a century to the day since Hiroshima was devastated by the atomic bomb. Along with recalling that fateful day and praying for the souls of the many who died, and being acutely aware of the difficulties the aging hibakusha face, I cannot but repeat in the strongest possible terms that the development and possession of nuclear weapons constitutes a crime against humanity.

Throughout this half-century, we have told all the world of the human devastation that the atomic bombs wrought, particularly the unprecedented damage of radiation, in a consistent appeal that nuclear weapons be abolished. Yet distrust among nations is deep-rooted and there are vast stockpiles of nuclear weapons around the globe, creating a formidable barrier to the attainment of our ideal. It is profoundly saddening that some people see the possession of nuclear weapons as symbolic of a nation's strength.

Nuclear weapons are clearly inhumane weapons in obvious violation of international law. So long as such weapons exist, it is inevitable that the horror of Hiroshima and Nagasaki will be repeated – somewhere, sometime – in an unforgivable affront to humanity itself.

If humanity is to maintain hope for the future, we must act now with courage and decisiveness to achieve a nuclear-free world. As a first step, we call for an immediate and comprehensive nuclear test ban and the establishment of a new nuclear-free zone in the Asia-Pacific. In keeping with the Constitution's pacifist ideals and proclaiming its three non-nuclear principles (of nonpossession, nonmanufacture and nonintroduction), the government of Japan should take the lead in working for the abolition of nuclear weapons. Likewise, we also call upon the government to be more supportive of all hibakusha – these witnesses to the nuclear era – in Japan and elsewhere.


The possession of nuclear weapons is no guarantee of national security. Rather, the proliferation of nuclear weapons, the transfer of nuclear weapons technology and the leakage of nuclear materials are all threats to the survival of the human race. Like the suppression of human rights, impoverishment and starvation, regional conflict, and the destruction of the global environment, these are all major threats to world peace.

This is an era in which we must think of global security. It is a time to foster human solidarity transcending national borders, to pool our wisdom and to work together to establish world peace.


At this 50th anniversary of the end of the World War II, it is important to look at the stark reality of war in terms of both aggrieved and aggriever so as to develop a common understanding of history. The suffering of all the war's victims indelibly etched in our hearts, we want to apologize for the unbearable suffering that Japanese colonial domination and war inflicted on so many people.

Memory is where past and future meet. Respectfully learning the lessons of the past, we want to impress the misery of war and the atomic bombing on the generations of younger people who will be tomorrow's leaders. Similarly, we also need to emphasize the human aspects of education as the basis for peace. Only when life and human rights are accorded the highest priority can young people enjoy lives of boundless hope.

At this Peace Memorial Ceremony commemorating the 50th anniversary of the atomic bombing, I am resolved to spare no effort in achieving the abolition of nuclear weapons and the attainment of world peace.



Penulis menghadiri Ulang Tahun Pengeboman Hiroshima yang ke-50 di Hiroshima pada 6 Ogos 1995



Sambutan Ulang Tahun Pengeboman Hiroshima yang ke-50.



味
今履
生米
久保田酒造株式会社

主な記事

廣島快勝、ヤクルトに差
改氏婚、遺族給与金山山なし

◇7面・カラ「特選」きりな求めて

ハインドネシアV

ハッサン・ラハヤさん(70)

原爆被爆者 シヤカルタ

広島に来る

たび、建物の

下敷きになっ

た原爆のあと

を思い出さず、国民は原爆に

ついての知識も心もなれ

ほじない、原爆体験をきか

て日本で学んだことが、そ

原爆体験含め

人生の基礎に

の後の私の人生の基礎にな

った、原爆に遭った者だ、

私を式典に呼んでくれたは

原爆被爆者に敬意を表する、(東

千田町の旧広島高師、約一

・(一五)

ベンゼラン、

ユソフさん(72)

元アルネイ西州

・スリ、アガフ

原爆から五

十年すぎた広

島の市民は心

から平和を求

し、私も広島市民の一人だ

子供たちの命

奪い許せない

と思っている、米国では原

爆投下が戦争を終わらせた

という議論もあるが、罪

のない子供たちの命を奪

った原爆は人道的に許せな

い、

(東千田町の旧広島高師、約一

・(一五)

アマレーシアV

アブドル・ラザクさん(70)

工科大講師

クアラリンゲール

原爆の犠牲

になつた留學

生の友人を喪

し、今も後悔

の日の惨状が今でも目に

焼き付いている、戦火がや

あの日惨状

目に焼きつく

まず、核兵器が誇る世界の

現実が恐ろしい、国では原爆

を日本軍からの解放の象徴

とする面もあるが、ビデ

オなどを使って原爆の真

の姿を語っている、(東

千田町の旧広島高師、約一

・(一五)

Berita tiga "Hibakusha"


Terbitan Chugoku Shimbun, Hiroshima

6 Ogos, 1995

Berita tentang tiga "Hibakusha" terbitan akhbar *Chugoku Shimbun*, Hiroshima bertarikh 6 Ogos 1995.



Kubah dan Taman Kedamaran di Hiroshima



Kubah bom atom di Hiroshima



INDEKS

- Abdul Razak Hamid 34, 37, 60, 69,
71, 87, 88
Abdullah Jepun 31
Adolf Hitler 2, 4, 23
Alamogordo 46
Albania 9
Amaterasu Omekamisama 11
Amerika Syarikat 2, 41, 46, 83
Angkatan Bersenjata Tentera
Bersekutu 7
Anti-Comintern 22
Arifin Bey 37, 71
Asia Timur Raya 7, 61, 70, 83
Asrama Antarabangsa Kyoto 72
Asrama Konan 54, 58, 65
Asrama Naka Meguro 83
Asrama Penuntut Antarabangsa 73
Australia 3
Awang Hashim bin Tahir 32
Awang Zainal Abidin bin Puteh 32
- Bandar Raya Ilmu 40
Bandar Raya Tentera 39, 40
Bang Buntak 10
Belanda 1, 83
Benua Asia 8
Berlin 28
Bintang Tiga Komunis China 16
- Bismark 12
bokugo 35
Bolshevik Jews 5
Borneo Selatan 1
Bosnia Herzegovina 9
Brigedier Windeyer 17
Brunei Darussalam 1, 16, 83
Brunei Ken 30, 32
Brunei Shi 32
Burma 33
- Cardell Hull 23, 24
Cheiko Sasaki 60, 61, 65
Chiga Sasaki 61, 65
Chigoku Electric Supply 65
Cik Asako Sumida 57
Cik Matsushita 58
Cik Takahashi 58
- daerah Aki 38
daerah Belait 30
daerah Bingo 38
daerah Brunei dan Muara 30
daerah Temburong 30
daerah Tutong 30
Dai Nippon 11, 41
Daimyo Terumoto Mori 38
Denmark 3

INDEKS

- Doktor Hamajima 74
 Dong Yong Zheng 65
 Dr. Baron Kiichiro Hiranuma 21
 Dr. Syed Mohsen al-Sagoff 75
 Dunia Baru 90
 Dunia Besar 90
 Dunia Gembira 90
- Edo 38
 Eibun Sonobe 74
 Eiichi Noguchi Sensei 70, 71, 73
 Encik Glihiro Iwata 58
 Encik Hamidoon bin A. Damit 33
 Encik Harun bin Md. Amin 33
 Encik Miyamoto 31
 Encik Suzuki 30
 England 3
Enola Gay 42, 46
 Eugene H. Dooman 24
 Eusoffe Abdul Kadir 34, 87, 88
 Eva Braun 6
- Fat Boy* 17
 Filipina 2, 34, 83
 Formosa 41
 Franklin D. Roosevelt 4, 7
 Fujita Sensei 33
 Fukuyama 38
 Fumiko Miwa 65
- Gabungan Pasukan 46
 Gashin-Shoten 41
 Gerakan Oboe 16
 Gibraltar dari Timur Jauh 11
 Gun Shirekan Kakka 29
- H.M.S. Prince of Wales* 12, 13
H.M.S. Repulse 12, 13
harakiri 68
 Hari Bangsa-Bangsa Bersatu 8
 Hari Perayaan 8
 Hasan Ahmad 34, 87, 88
 Hashim Tahir 90
 Hassan Rahaya 37, 54, 60, 71
 Hideki Tojo 26
 Hiroshima 37, 38, 42, 46
 Hitoshi Kanazawa 71
 Hong Kong 1
- Honshu 35
 Hospital Kyoto 74
 Hospital Kyoto Imperial University 74
 Hospital Palang Merah 62
Hypocenter 48
- Ibrahim Mahmud 34, 87, 88
 India 33
 Indianapolis 46
 Indochina 23
 Indonesia 1
 International Student Institute (ISI) 35
 Itali 1, 3
 Iwo Jima 42
- Jabatan Asia Timur Raya 35
 Jabatan Pelajaran 32
 Jabatan Yorozyuo 37, 54, 59
 Japanese Peace Memorial 17
 Jeneral A. E. Percival 15
 Jeneral Douglas MacArthur 12, 15, 17, 68
 Jeneral Hideki Tojo 25
 Jeneral Saijuro Hayachi 20
 Jeneral Sugiyama 27
 Jeneral Tomoyuki Yamashita 15
 Jeneral Umezu 18
 Jeneral Wabell 8
 Jepun 2
 Joseph Stalin 5
- Kamikaze* 13
 Kampung Kameyama 64
 Kampung Kuji 61
 Kampung Pengiran Pemanca Lama 91
 Kanada 3
 Kaneko Takahashi 65
 Kantaro Suzuki 18
 Kasim Kamidin 87, 88, 90
 Kaum Bangsawan 20
 keluarga Maekawa 59
 kem Alexander 88
 Kem Layang-Layangan 90
 Kem Nee San 88
 Kemakmuran Asia Timur Raya 7, 11, 13
 Kemboja 2

INDEKS

- Kenji Ushijima 75
 Kenkichi Sonobe 75
 Kepulauan Channel dan Jersey 2
 Kepulauan Indonesia 34
 Kepulauan Taiwan 41
 kerajaan Meiji 39
 kereta api Sanyo 38
 Ketua Bahagian Penuntut 74
 Ketua Pemerintah Brunei Ken 31
 Kichisaburu Nomura 23
 Kiichiro Hiranuma 25
 Kimie Inoue 60, 65
 Kimigayo 31, 33
 Kimura San 30
 Kita Borneo 29, 32, 34, 90
 Kita Borneo Kanri Yosei Jo 32, 33
 Kokura 46
 Kolonel Paul W. Tibbets 42
 Komanwei 9
 Konan Ryo 59
 Korea 33
 Kosovo 9
 Kota Bharu 12
 Kota Borneo 34
 Kuasa-kuasa Paksi 22
 Kuil Kozan 62
 Kyo 35
 Kyoin Yasei Jo 33
 Kyoto Imperial University 73

 Laksamana Muda Sir Tom Philips 12
 Laksamana Nagono 27
 Laksamana Telgiro Toyoda 24
 Laos 2
 Lapangan Terbang Haneda 87
 Laut China Selatan 34, 88
 Laut China Timur 35
 Lautan Atlantik 3, 12
 Lautan Pasifik 12, 15, 28, 42, 46
 Layang-Layangan 90
 Leftenan Jeneral A.E. Percival 14
 Leftenan Jeneral Tomoyuki Yamashita 14
Little Boy 17, 42, 46
 Lord Louis Mountbatten 18
 Luneburg Heath 28

 Maharaja Hirohito 20, 25, 26
 Mahatma Ghandi 8

 Maktab Perguruan Hiroshima 39
 Maktab Sains dan Persuratan 39
 Mamoru Shigemitsu 68
 Manila 87
 Martokusumo Sujatim 74
 Masjid Kobe 75
 Matsujiro Shigata 64
 Matsushita San 56
 Mediteranean 23
 Meiko Takahashi 61
Meinkemffi 6
 Mesyuarat Washington 22
 Mohamad Kasim bin Kamidin 34, 37
 Mohamad Tarmidi 60, 71
 Moji 35
 Momoru Shigemitsu 18
 Muara 17

 Nagasaki 46
 Nakajima Sensei 33
 Nampo Tokubetsu Ryugakusei 36
 Naval Chamberlain 3
 Nazi Jerman 1, 2
 Negara Brunei Darussalam 29
 Negara Matahari Terbit 22
 Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 29
 Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu 29
 Negeri-Negeri Selat 29
 New Mexico 46
 Newfoundland 4
 Niigata 46
 Nik Yusof 37, 56
 Nippon Seisin 10, 19
 Norway 3

 Okinawa 15, 28

 Pakatan Tidak-Menceroboh 5
 Pakatan Tiga Pihak 11, 22
 Pandit Jawaharlal Nehru 8
 Parti Buruh 8
 Parti Konservatif 8
 Pearl Harbour 6, 27, 46
 Pegawai Pemerintah Tentera 6
 Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa 75
 pelabuhan Ujina 38
 pemerintahan daerah tempatan 38

INDEKS

- Pengarah Asrama Kyoto 74
 Pengiran Abdul Momin bin Pengiran
 Ismail 32
 Pengiran Abu Bakar bin Pengiran
 Pemanca Md. Salleh II 90, 91
 Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim
 32
 Penolong Residen Belait 31
 Perancis 2
 Perang Asia Timur Raya 6, 11, 18, 28,
 31, 45, 68, 69
 Perang Dunia Pertama 1, 39
 perang kilat 2
 Perang Pasifik 6
 Perang Sino-Jepun 39, 40
 Peristiwa Manchuria 22
 Perjanjian Berkecuali 3
 Perjanjian Kuasa-kuasa Paksi 45
 Perjanjian Penyerahan 68
 Persekutuan Tanah Melayu 12
 Persetiaan Perkecualian 40
 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 4
 Pertubuhan Liga Bangsa-Bangsa 22
 Pertubuhan Palang Merah 86
 Pertubuhan Penuntut Antarabangsa 70
 Piagam Atlantik 7
 Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa
 Bersatu 7
 Poland 3
 Presiden Harry S. Truman 53
 Profesor Kiyoshi 54
 Profesor Takeo Fujiwara 60
 Profesor Toda 54
 Profesor Toshio Nagahara 56
 Profesor Yoshiro Egami 62
 Projek Manhattan 46
 Pulau Guam 28, 42, 46
 Pulau Oahu 6
 Pulau Tintian 42, 53
 Putera Fumimaro Konoye 20, 21, 25

 Radio Taiso 33
 Republik India 9
 Republik Pakistan 9
 Riyo Maekawa 63
 Rumah Putih 4
 Rusia 3
 Ryoho San 35, 56, 58

 Ryokan Sensei 35

 S. Togo 25
 Sabah 1, 29
 Sagala Adil 57, 71
 Sagala San 56
 Saint Joseph School 33
 Sakuma 64
 San Francisco 46
 Sarawak 1, 29
 Satoshi Shigata 64
 Sekolah Bahasa Jepun 70
 Semenanjung Tanah Melayu 1, 9, 29,
 34, 89
 Senjata Demokrasi 4
 Serbia 9
 Sharif 72
 Shigeka Maekawa 60, 63
 Shijenari Togo 24
 Shinsaku Miwa 65
 Shizu Hanaoka 62
 Shukan Asahi 74
 Singapura 1, 34, 83
 Soviet Union 1
 Sowa Sensei 35
 Sukarno 8
 Sungai Motoyasu 37, 54, 55
 Syed Omar 37, 60, 71
 Syonan-To 29

 T. Toyoda 25
 Taijo Mori Sensei 33
 Taiwan (Formosa) 33
 Takashi Hiraoka, Datuk Bandar
 Hiroshima 92
 Takeda Sensei 33
 Tanah Besar Asia 7
 Tanah Besar China 24
 Tanah Melayu 83
 Tarakan, Sabah 16
 Telgiro Toyoda 24
 Teluk Tokyo 68
 Tenno Heika 20, 68
 tentera Berikat 15, 83
 Tentera Merah Stalin 5
 Thailand 2, 34
 Timur Jauh 41
 Tokiko Maekawa 60

INDEKS

- Tokito Hashizuki 62
 Tokkutai 24, 36
 Tokyo 35
 Toshio Hanaoka 62
 Toshio Nagahara 59
 Tukkutai 13
 Tutong 87

U.S.S. Salute 17
 United Nations Organizations (UNO)
 7
 Universiti Hiroshima 56, 70
 Ushita-Machi 64, 65

USS Missouri 68, 83
 Vennever Bush 46
 Vietnam 2

 Winston Churchill 3, 7, 12, 14

 Yokiko Maekawa 60
 Yosio Shigata 64
 Yosuke Matsuoka 25

Zaibatsu 21
 Zhu Ding Yu 62, 65